

SANJUDERA



WADAH MENGEMBANGKAN MINDA *THE NAVY PEOPLE*

TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA • ROYAL MALAYSIAN NAVY • BIL. 01/2012 • ISSN 0127-6700

HARI TLDM

KE-

78

**WARGA BERINOVASI
MENJANA TRANSFORMASI**

SEDIA BERKORBAN

UNIK UNTUK DI KENANG
KD PAHANG PULANG KE PAHANG

THE NAVY PLAN 2012:
TRANSFORMASI KE ARAH TENTERA LAUT BERTARAF DUNIA

ISSN 0127-6700



9 770127 670004

TLDM SELAKU HOS WPNS 2012

WHEN EVERY SECOND COUNTS

BOFORS 40 MK4 NAVAL GUN SYSTEM

When your survival hangs on a matter of seconds, you need agile weapon systems that enable a lightning quick response. The Bofors 40 Mk4 naval gun system is designed to meet that demand.

It has the capability to rapidly switch between optimised ammunition types, including programmable 3P all-target ammo.

This combines with straightforward, cost-effective integration, delivering affordable flexibility – and outstanding survivability.

BAE SYSTEMS

REAL PROTECTION. REAL ADVANTAGE.

DARI MEJA

Ketua Editor



Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera. Salam 1 Malaysia.

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadirat Allah S.W.T. di atas limpah kurnia dan izinNya, maka keluaran sulung Majalah SAMUDERA bagi edisi 1/2012 dapat diterbitkan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari TLDM Ke-78. Sesungguhnya, usia 78 tahun telah mematangkan masa kini. Keluaran kali ini turut menyaksikan pertukaran Editor Majalah SAMUDERA. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kdr Anuar bin Mohamed TLDM dan Lt Kdr Masliza bte Maaris TLDM di atas jasa dan sumbangan yang telah diberikan. Keluaran ini juga merupakan keluaran terakhir saya sebagai Ketua Editor. Saya mengharapkan agar komitmen yang penuh oleh Sidang Redaksi terus diperjuangkan untuk menjadikan majalah ini kekal relevan sebagai wadah mengembangkan minda *the Navy People*.

Pelancaran Pelan Strategik TLDM atau *The Navy Plan 2012* merupakan kesinambungan daripada pelan strategik tahun sebelumnya. Ianya telah ditambah baik dengan memfokuskan kepada 5 Objektif Strategik yang akan digunakan bagi mengemudi TLDM mengekalkan status sebagai sebuah Tentera Laut Bertaraf Dunia.

Keluaran kali ini juga terarah kepada satu peristiwa yang begitu signifikan bagi TLDM iaitu pertukaran krew KD PAHANG dan KD PERAK. Usaha ini dijalankan sebagai menyahut hasrat KDYMM Sultan Pahang untuk melihat KD PAHANG mencurahkan bakti di negeri asalnya.

Pada tahun ini menyaksikan TLDM telah diberi kepercayaan untuk menganjurkan sidang Woksyop *Western Pacific Naval Symposium* (WPNS) Ke-21 dan Simposium WPNS Ke-13 yang akan diadakan di Kuala Lumpur. Pemilihan sebagai penganjur kepada aktiviti WPNS 2012 ini bertepatan dengan komitmen yang telah ditunjukkan TLDM terhadap kerjasama serantau serta global di dalam menangani isu keselamatan maritim.

Akhir kata, Sidang Redaksi berharap agar pembaca setia dapat memperolehi manfaat daripada keluaran kali ini. Sebarang komen dan pandangan adalah dialu-alukan bagi meningkatkan lagi mutu dan kualiti majalah ini. Sidang ini juga akan sentiasa berusaha gigih bagi menambah baik Majalah SAMUDERA dalam pelbagai aspek merangkumi konsep, bahan dan mutu pencetakan dari semasa ke semasa.

Sekian, Salam Hormat daripada Sidang Redaksi Majalah SAMUDERA.

SEDIA BERKORBAN



SAMUDERA

SIDANG REDAKSI

PENAUNG/ PENASIHAT

Laksamana Madya Datuk Hj. Mohammed Noordin bin Ali

KETUA EDITOR

Laksamana Muda Dato' Musa bin Omar

EDITOR

Kept Sabri bin Zali TLDM

Kdr Ismail bin Othman TLDM

Lt Kdr Ahmad Redhuan bin Osman TLDM

WAKIL MARKAS TENTERA LAUT

Lt Siti Salina bte Johari TLDM

WAKIL PANGKALAN TLDM LUMUT

Lt Kdr Norlida bte Rahaman TLDM

WAKIL MARKAS PENDIDIKAN DAN LATIHAN TLDM

Lt Kdr Karimah bte Awi TLDM

WAKIL MARKAS WILAYAH LAUT 1

Lt Muhammad Hafiz bin Shahrom TLDM

WAKIL MARKAS WILAYAH LAUT 2

Lt Mohd Shahrizan bin Zainal TLDM

WAKIL MARKAS WILAYAH LAUT 3

Lt Rafidi bin Ramli TLDM

WAKIL KD SULTAN ISMAIL

Lt Norsaydaeaini bte Che Rozubi TLDM

PENGEDARAN

BM PNK Khairul Hafiz Ted bin Abdullah

REKABENTUK

Perceftakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB)

Jalan Chan Sow Lin

50554 KUALA LUMPUR

SAMUDERA diterbitkan sebanyak tiga kali oleh Markas Tentera Laut dan diedarkan secara percuma. SAMUDERA mengalu-alukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya yang berorientasikan pertahanan daripada seluruh warga *the Navy People* dan para pembaca yang budiman. Sila hantarkan sumbangan anda kepada:

Sidang Redaksi Majalah SAMUDERA
Bahagian Rancang dan Operasi
Markas Tentera Laut
Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR

Tel: 03-20713218/ 3072/ 3074/ 3187

Faks: 03-26981680/ 26927677



THE NAVY PLAN
2012:
TRANSFORMASI
KE ARAH
TENTERA LAUT
BERTARAF DUNIA

4



INISIATIF PENGHAYATAN
NILAI-NILAI TERAS TLDM
DI KALANGAN WARGA
KAPAL

8



Kandungan

6 UNIK UNTUK DI KENANG:
KD PAHANG Pulang ke
Pahang

7 KOMITMEN TLDM TINGKATKAN
KERJASAMA SERANTAU MELALUI
PENGANJURAN WESTERN PACIFIC
NAVAL SYMPOSIUM 2012

11 EKS MILAN:
Hubungan Kerjasama Pelbagai
Hala

14 ROYAL NAVY MALAY SECTION:
Pengambilan Rekrut Pada
1940an

17 EKS MALAPURA: Memperkasakan
Jalinan Kerjasama

36 PENGLIBATAN TLDM DALAM TUGAS
TIM OPERASI Mencari PENYELAM
HILANG DI LAUT

38 WARGA TLDM DISARAN TINGKATKAN
PENGETAHUAN KE TAHAP
TERTINGGI

40 NILAI SEBUAH PENGORBANAN



PEGAWAI
TENTERA LAUT UK
DI KDSI 1

13

CHIEF OF NAVY
ROUNDTABLE TALKS
PERTAMA KALI
DIADAKAN PADA
LIMA '11

18



LAWATAN
BAKAT LAUT
KE BEIJING,
CHINA

46



KD TUN RAZAK DAN KD PAHANG TERIMA LAWATAN DIRAJA

Sumber: Perhubungan Awam Markas Wilayah Laut 1

Buat julung kalinya KD TUN RAZAK, kapal selam kedua TLDM berada di Pangkalan TLDM Tanjung Gelang Kuantan. Kehadirannya di sini bersempena dengan lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Sultan Pahang.



PM KD TUN RAZAK membuat laporan kepada KDYMM Sultan Pahang

Kapal selam yang dibina di Cherbourg and Navantia, Cartagena, Sepanyol ini telah dilancarkan secara rasmi pada 8 Oktober 2008 oleh Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah. KD TUN RAZAK kemudiannya ditauliahkan secara rasmi pada 5 November 2009 oleh Panglima Tentera Laut, Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar. Kapal selam ini merupakan kapal selam konvensional yang berkeupayaan tinggi serta dilengkapi dengan peralatan teknologi terkini. Warga kapal selam seramai 32 orang ini diketuai oleh Kdr Baharudin bin

Wan Md Nor TLDM sebagai Pegawai Memerintah.

Turut mengiringi pelayaran kapal selam ini adalah KD PAHANG yang bertukar tugas ke Markas Wilayah Laut 1, Pangkalan TLDM Tanjung Gelang, Kuantan, Pahang. Kepulangan KD PAHANG ke Negeri Pahang sememangnya dinantikan dan bakal menjadi suatu kemegahan kepada seluruh rakyat Negeri Pahang. TLDM amat berbesar hati di atas perkenan KDYMM Sultan Pahang mencemar duli mengadakan Lawatan Diraja ke KD TUN RAZAK dan KD PAHANG. Kebawah Duli Tuanku telah melahirkan rasa bangga

terhadap permodenan dan keupayaan TLDM menjadi sebuah Angkatan Laut yang disegani dalam mempertahankan kedaulatan perairan wilayah maritim negara.

Sesungguhnya Lawatan Diraja ke KD TUN RAZAK dan KD PAHANG ini telah menyuntik semangat untuk warga kedua-dua kapal ini terus mencurahkan khidmat cemerlang agar kedaulatan maritim negara terus dikawal dan dipertahankan.



Menikmati santapan dan jamuan tengah hari di KD PAHANG



Lawatan KDYMM Sultan Pahang ke KD TUN RAZAK



KDYMM SULTAN PAHANG diperkenalkan kepada krew KD TUN RAZAK



Bergambar bersama VVIP Kehormat di KD PAHANG

THE NAVY PLAN 2012:

TRANSFORMASI KE ARAH TENTERA LAUT BERTARAF DUNIA

Oleh: Lt Kdr Shamsul Amery bin Zainuddin TLDM, PS 2 Strategik BPS

The Navy Plan 2012 telah dilancarkan dengan rasminya oleh Panglima Tentera Laut pada 6 Jan 12 sempena Majlis Perutusan Tahun Baru 2012 Panglima Tentera Laut. Pelan Strategik TLDM atau lebih dikenali dengan *The Navy Plan* ini merupakan perancangan strategik TLDM yang digunakan ke arah menjadikan TLDM sebagai sebuah Tentera Laut Bertaraf Dunia.



Asisten Ketua Staf Perancangan Strategik menunjukkan *The Navy Plan 2012* kepada Panglima Tentera Laut



Panglima Tentera Laut meletakkan Objektif Strategik TLDM





The Navy Plan 2012 adalah kesinambungan daripada pelan strategik tahun sebelumnya yang telah ditambah baik. Pelan strategik ini memfokuskan kepada 5 Objektif Strategik seperti berikut:

OBJEKTIF STRATEGIK THE NAVY PLAN 2012

1. Kesiagaan (*Preparedness*).

Objektif Strategik ini memfokuskan kepada tahap Kesiagaan TLDM dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan untuk melindungi kedaulatan dan kepentingan maritim Malaysia. Kesiagaan TLDM diukur berdasarkan kepada kemampuan aset yang ditugaskan untuk melaksanakan penugasan dengan baik, sempurna dan mencapai objektif ditetapkan. TLDM akan sentiasa memberi keutamaan dalam aspek keupayaan aset-aset yang dimiliki agar sentiasa dalam keadaan yang sedia untuk diatur gerak bagi melaksanakan setiap misi dan operasi. Usaha akan sentiasa ditingkatkan bagi memastikan semua aset tempur dan sokongan TLDM berada pada tahap kesiagaan yang tinggi agar mampu mencapai matlamat yang ditetapkan. Setiap misi dan operasi akan dilaksanakan oleh aset berkeupayaan yang sesuai agar dapat melaksanakan tugas dengan jayanya.

2. Menambah Baik Kesediaan Aset (*Improve Assets Availability*).

Objektif Strategik ini memfokuskan kepada aspek menambah baik kesediaan aset-aset TLDM yang dimiliki agar sentiasa berupaya melaksanakan misi dan operasi. Kesediaan aset adalah penting bagi memastikan aset sentiasa bersedia dalam memenuhi keperluan operasi dan penugasan pada setiap masa. Semua aset TLDM akan dipastikan berada pada tahap kesediaan yang tinggi dan sedia untuk diatur gerak.

3. Menambah Baik Pengurusan Sumber Manusia (*Improve Human Resource Management*).

Objektif Strategik ini bertujuan untuk mencapai kecemerlangan dalam menguruskan sumber manusia yang mempunyai kecekapan dan nilai yang tinggi, melalui pelaksanaan pengurusan sumber manusia yang sistematik. Objektif Strategik ini juga akan memberi tumpuan ke arah mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif, di samping memberi penekanan terhadap kualiti hidup dan tempat kerja.

4. Menambah Baik Pengurusan Sumber (*Improve Resource Management*).

Objektif Strategik ini memfokuskan kepada penambahbaikan dalam aspek pengurusan sumber yang efektif dan efisien bagi mencapai tahap kesediaan aset yang tinggi. Tumpuan akan diberikan terhadap aspek pengurusan logistik yang merangkumi pengurusan rantai bekalan, selenggaraan, pembaikan, pengurusan aset dan inventori serta aspek kejuruteraan. Fokus juga akan diberikan kepada pengurusan kewangan secara berhemah dalam memastikan pulangan pelaburan yang tinggi dalam setiap perbelanjaan yang dikeluarkan. Penambahbaikan secara berterusan dalam pengurusan logistik akan dapat memastikan pengurusan sumber-sumber TLDM dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.

5. Membangunkan Modal Insan (*Develop Human Capital*).

Objektif Strategik ini memfokuskan kepada pembangunan modal insan yang kompeten melalui penerapan nilai dan etika yang baik bagi mencapai keperluan modal insan yang dikehendaki oleh TLDM. Usaha peningkatan kompetensi warga TLDM akan dilaksanakan secara berterusan

bagi melahirkan anggota yang profesional, dedikasi, berintegriti dan mempunyai jati diri yang kukuh. Pembangunan modal insan ini akan menyokong kepada keupayaan TLDM dalam mengoperasikan aset yang dimiliki dengan cekap dan bertanggungjawab. Warga TLDM akan diterapkan dengan sikap kerjasama, semangat setia kawan dan sedia berkorban sebagai asas dalam penghasilan warga yang berprestasi tinggi. Modal insan yang berprestasi tinggi akan mendorong TLDM ke arah mencapai visi menjadi Tentera Laut Bertaraf Dunia.

Pencapaian terhadap **Objektif Strategik yang digariskan ini disokong oleh Petunjuk Prestasi Utama atau Key Performance Indicator (KPI) yang ditetapkan. Inisiatif dan pelan tindakan yang berkesan juga memainkan peranan penting dalam memastikan segala strategi yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya. Warga TLDM diharapkan dapat menghayati dan menyokong pelaksanaan The Navy Plan 2012 agar segala perancangan dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan**

UNIK UNTUK DI KENANG

KD PAHANG PULANG KE PAHANG

Oleh: Perhubungan Awam Markas Wilayah Laut 1



Panglima Armada menyaksikan Upacara Serah Menyerah

Pertukaran krew yang dilakukan antara dua buah kapal iaitu KD PAHANG dan KD PERAK telah mencatat satu lembaran sejarah TLDM. Peristiwa yang julung kali diadakan menandakan penugasan semula kedua-dua kapal iaitu penugasan KD PAHANG di bawah naungan Markas Wilayah Laut 1 manakala KD PERAK di bawah naungan Markas Wilayah Laut 2. Kembalinya KD PAHANG ke negeri asalnya adalah usaha bagi merealisasikan hasrat KDYMM Sultan Pahang turut diibaratkan bagai sirih pulang ke gagang.

KD PAHANG dan KD PERAK merupakan kapal dari kelas Kapal Ronda Generasi Baru. KD PAHANG telah mula dibina pada tahun 2003 di Jerman dan telah ditauliahkan pada tahun 2006 di Pangkalan TLDM Lumut, Perak. Manakala KD PERAK pula dibina sepenuhnya oleh Bousted Naval Shipyard Sdn Bhd. Kelajuan kapal ini mencecah 22 batu nautika sejam dan mampu untuk belayar selama 28 hari tanpa henti. Kapal yang direka dengan menggunakan konsep "fitted for but not with" ini juga berupaya untuk menjalankan

apa jua misi dan operasi yang diberikan.

Pertukaran krew ini secara 'swapping' ini merupakan rekod yang unik dan jarang berlaku dalam mana-mana organisasi tentera laut di dunia. Namun begitu, ia masih berlandaskan kepada satu tujuan dan matlamat dalam mencapai misi TLDM walaupun berada di dalam operasi yang berbeza. Panglima Armada dalam ucapannya semasa majlis pertukaran krew ini telah menekankan bahawa, TLDM akan memberikan komitmen yang tinggi demi memberi keyakinan keselamatan kepada komuniti maritim daripada ancaman luar dalam memelihara keamanan dan keselamatan maritim sejagat. Ucapan yang ringkas yang dipenuhi dengan kata-kata semangat diharap akan melonjakkan moral kedua-dua anak kapal dalam mendukung segala misi yang bakal dipertanggungjawabkan.



Menandatangani Nota Serah Menyerah

KOMITMEN TLDM TINGKATKAN KERJASAMA SERANTAU MELALUI PENGANJURAN WESTERN PACIFIC NAVAL SYMPOSIUM 2012

Oleh: Lt Kdr Ahmad Redhuan bin Osman TLDM
PS 2 Strategi Maritim, Mk TL



Laksamana Muda Dato' Musa pada Woksyop Ke-20 di Tahiti



Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bersama PTL dan wakil PTL pada Simposium Ke-12 di Sydney, Australia

Western Pacific Naval Symposium (WPNS) adalah sebuah persidangan dianggotai oleh tentera laut negara-negara yang mempunyai kepentingan di Lautan Pasifik. Usul penubuhannya mula dipersembahkan sewaktu **International Sea Power Symposium (ISS)** Ke-9 pada tahun 1987. Berikutan itu, WPNS telah diadakan buat kali pertama pada tahun 1988 yang dianjurkan oleh Australia. Ia telah dihadiri oleh 13 buah negara dan Malaysia merupakan salah satu daripada Negara perintis terhadap inisiatif ini. Kini selepas 24 tahun, WPNS mempunyai keahlian seramai 20 buah negara tetap dan 4 buah negara pemerhati.

WPNS bertujuan untuk meningkatkan kerjasama di kalangan ahli berkaitan isu keselamatan maritim melalui aktiviti seperti perbincangan, pertukaran maklumat, operasi serta eksekusi bersama dan pembentukan kumpulan kerja. Antara aktiviti dan kumpulan kerja di dalam WPNS adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1	
1.	Persidangan. a. (WPNS Symposium). b. WPNS Workshop.
2.	Seminar. a. <i>WPNS Maritime Security Information Exchange Seminar (WMSIES)</i> . b. <i>Naval Medicine Seminar (NMS)</i> .
3.	Eksesais. a. <i>Mine Countermeasure & Diving Exercise (MCM/DIVEX)</i> . b. <i>WPNS Multilateral Sea Exercise (WMSEX)</i> . c. <i>Maritime Information Sharing Exercise (MARISX)</i> . d. <i>Humanitarian and Disaster Relief Table Top Exercise (HADR TTX)</i> .
4.	Pertukaran Anggota. a. <i>Shiprider Programme (SRP)</i> . b. <i>Short Term Exchange Programme (STEP)</i> .
5.	Kumpulan Kerja. a. <i>Environmental Working Group (EWG)</i> . b. <i>Senior Enlisted Working Group (SELWG)</i> .



Persidangan forum WPNS dilaksanakan dengan woksyop pada setiap tahun manakala simposium diadakan sekali dalam tempoh masa 2 tahun. Namun demikian, aktiviti yang paling signifikan adalah simposium yang akan dihadiri oleh Panglima Tentera Laut negara ahli dan pemerhati. Aktiviti ini kemudiannya akan menetapkan hala tuju WPNS dan aktiviti seterusnya. Prosedur persidangan forum ini adalah berlandaskan kepada WPNS *Business Charter* yang telah dipersetujui pada sidang Simposium WPNS Ke-12 di Sydney, Australia.

Kali terakhir TLDM menganjurkan aktiviti ini adalah pada tahun

1994 iaitu Woksyop WPNS Ke-3 dan Simposium WPNS Ke-4. Pada tahun ini, TLDM sekali lagi telah diberi kepercayaan untuk menganjurkan Woksyop WPNS Ke-21 pada 15 hingga 17 Mei 2012 dan Simposium WPNS Ke-13 pada 24 hingga 27 September 2012 di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur. Tema persidangan WPNS 2012 kali ini adalah **'Enhancing Interoperability and Professional Cooperation'**. Penganjuran aktiviti WPNS pada kali ini mempamerkan komitmen dan keseriusan negara terhadap kerjasama serantau serta global di dalam isu keselamatan maritim.

INISIATIF PENGHAYATAN NILAI-NILAI TERAS

Oleh: Kdr Najhan bin Md Said TLDM

IDEA BARU

Merujuk kata ahli falsafah, setiap idea hanya akan kekal sebagai idea sekiranya tiada usaha untuk mentransformasikan idea tersebut kepada pelaksanaan. Justeru, sesuatu idea yang lahir perlu dizahirkan agar idea tersebut dapat berkembang menjadi satu inovasi yang lebih bermakna. Perkembangan sesuatu idea tidak seharusnya terhad kepada pencetus idea. Ia boleh berkembang dengan lebih baik apabila dijana oleh nilai tambah pemikir-pemikir lain. Yang penting, individu yang mencetus idea harus berani menampilkan idea asal beliau untuk diketengah dan dikritik. Berpaksian kepada pegangan inilah artikel ini ditulis. Asas artikel ini mudah iaitu sesuatu idea harus ditampilkan agar idea tersebut terus dijana oleh pemikir-pemikir lain yang seterusnya akan menjadi sesuatu yang lebih besar.

PENGHAYATAN

Idea yang dimaksudkan adalah kaedah untuk menghayati dan menerapkan nilai-nilai teras TLDM iaitu Kemuliaan, Kesetiaan, Keberanian dan Kebanggaan di kalangan warga kapal atau sesebuah unit. Menyedari kepentingan nilai-nilai teras ini untuk dihayati sebaik mungkin oleh warga kapal, kaedah yang digunakan oleh KD PERANTAU ialah menjadikan warga kapal sebahagian daripada nilai-nilai teras tersebut. Teknik atau kaedah untuk menjadikan warga kapal 'sebahagian daripada' nilai-nilai teras tersebut agak unik kerana ia dilaksanakan dengan penganjuran Pertandingan Mereka Cipta Poster Nilai Teras TLDM di kalangan warganya. Tujuan pertandingan ini adalah semata-mata untuk menanamkan penghayatan di kalangan warga kapal mengenai nilai-nilai teras TLDM. Pada hemat saya secara peribadi, inisiatif harus dijana dalam usaha memberi penekanan kepada setiap peringkat warga kapal untuk menghayati dan menjiwai nilai-nilai teras ini.


MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA NILAI TERAS

Pendekatan yang diambil ialah meletakkan syarat utama bagi setiap penghasilan poster mestilah melatarbelakangkan identiti KD PERANTAU. Poster yang dihasilkan juga perlu menunjukkan bahawa warga kapal 'menjadi sebahagian daripada nilai teras' tersebut. Harus diakui bahawa di kalangan warga kapal agak sukar memahami apa yang cuba disampaikan sewaktu menyarankan agar dianjurkan pertandingan ini. Namun hasilnya membuktikan keyakinan mampu mengatasi keupayaan. Melihat kepada poster-poster





TLDM DI KALANGAN WARGA KAPAL



Tidak pernah mengenal erli mengalah dan gentar menghadapi segala cabaran dan rintangan dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah



Kami terus melangkah dan meredah badai demi menjadikan KD PERANTAU aset kebanggaan TLDM

yang dihasilkan oleh pemenang pertandingan, barulah warga kapal faham apa yang cuba diusahakan. Setiap kali memandang poster-poster yang dipaparkan di laluan-laluan utama kapal, hati mereka pasti akan berdetik dan kagum melihatnya kerana mereka telah menjadi 'sebahagian daripadanya'.

HASIL

Istilah 'menjadi sebahagian daripadanya' jelas lahir di setiap poster yang dihasilkan. Sebagai contoh, bagi nilai teras yang pertama iaitu **Kemuliaan**, posternya menunjukkan kumpulan panji-panji kapal yang sedang memberi tabik hormat kepada panji-panji. Gambar poster ini sekiranya dilihat secara umum agak biasa sahaja kerana aktiviti memberi penghormatan kepada panji-panji adalah sesuatu yang normal. Tetapi yang membezakan gambar ini adalah perkataan KD PERANTAU yang tertera pada *Ribbon Seaman Cap* dua warga kapal. Sekiranya kedua-dua anggota ini hanya memakai beret, penghayatan warga kapal terhadap poster ini tidak begitu bermakna. Malah tanpa *Seaman Cap*, mungkin ramai yang tidak akan sedar siapakah watak-watak kumpulan panji-panji ini. Justeru, hanya dengan sedikit perubahan, ia telah jelas menzahirkan bahawa warga KD PERANTAU adalah sebahagian daripada nilai Kemuliaan tersebut. Begitu juga dengan poster nilai teras **Kebanggaan**. Watak seorang anggota yang bergayut sambil mengecat nombor *pennant* kapal sangat menyentuh perasaan. Aktiviti mengecat badan kapal adalah aktiviti biasa tetapi watak anggota yang bergayut sambil berusaha mengecat dan mencantikkan nombor *pennant* kapal begitu bermakna. Itulah Kebanggaan. Setiap kali memandang poster ini, saya secara spontan akan merasa bangga menjadi warga KD PERANTAU yang semestinya juga berbangga menjadi sebahagian daripada *the Navy People*. Itulah maksud 'menjadi sebahagian daripada nilai-nilai teras TLDM'.

BRAVO ZULU

Dikesempatan ini ingin saya sampaikan penghargaan dan ucapan tahniah kepada 829687 LK I KOM MOHD NAZRI BIN AFRIZAL kerana menghasilkan poster yang cukup bermakna. Semoga penghargaan dan pengiktirafan ini lebih mendorong beliau untuk menghasilkan sesuatu yang lebih bermakna di masa hadapan.

TLDM TERAJUI AMALAN 5S DI PERINGKAT NASIONAL



Oleh: Kdr Ahmad Nazree bin Abu Hassan TLDM
Pegawai Laksana, KD Mahawangsa

Kejayaan KD MAHAWANGSA memperoleh pengiktirafan Persijilan Persekitaran Berkualiti (QE) daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) 27 Jan 2012 telah menarik minat banyak pihak untuk mengetahui rahsia amalan kerja dan pengurusan berkualiti di dalam perkhidmatan TLDM. Inisiatif kerjasama MPC/TLDM melantik KD MAHAWANGSA selaku Duta Amalan 5S di peringkat nasional telah memartabatkan TLDM dalam perkhidmatan awam selaras keutamaan ditekankan pucuk pimpinan TLDM "The Navy Exist Because Of The Fleet".

Amalan dan persijilan 5S bukanlah cantik luaran, dan retorik semata-mata namun ianya harus diterjemahkan melalui *sustainability* proses/sistem kerja. Bermatlamatkan "Healthy, Safety, Harmorny and Happy Ship", amalan 5S banyak membantu menyempurnakan proses/sistem kerja yang sentiasa mengutamakan aspek keselamatan dan kesejahteraan. Implimentasi dan *standard* dicapai dalam menahirkan profesionalisme dan efisiensi perkhidmatan sesebuah organisasi.

Cabaran utama yang perlu dihadapi adalah mentransformasi *mindset*. Kita harus melihat Amalan 5S sebagai platform untuk menonjolkan sikap dan nilai murni disamping memberi impak yang besar dalam organisasi dengan tidak menjadikan faktor kewangan sebagai halangan kepada proses penambahbaikan. Bukan hanya kelihatan kemas, teratur dan memudahkan, malahan Amalan 5S membudayakan penjimatan (masa, kos & tenaga manusia). Contoh; setiap fail yang dicari, ubat dan alat ganti yang dikehendaki dapat diberikan dalam tempoh 30

saat. Justeru, disyorkan mana-mana unit/organisasi yang direncanakan untuk dipersijilan ISO dan OHSAS, disarankan mendapatkan persijilan 5S terlebih dahulu bagi memudahcara dokumentasi, sistem dan pelaksanaannya.

Melalui Memo Am TLDM No.12/09 bertarikh 14 Okt 09 kepimpinan TLDM melahirkan harapan Amalan 5S segera dilaksanakan di semua peringkat dan organisasi dalam TLDM. Melalui Amalan 5S, TLDM mampu melahirkan warga kelas pertama bertaraf dunia, sistem perkhidmatan yang efisien dan disegani. Situasi menuntut kita bergerak pantas, responsif, kreatif, inovatif dan fleksibel didalam menangani keadaan luar jangka. TLDM mesti bernafas seiring dengan

arus kemajuan dan pembangunan ke arah *World Class Navy*. Amalan 5S bukan lagi trial and error namun *Total Quality Management* yang terbukti menepati nilai teras dan transformasi TLDM sesuai tema Hari TLDM Ke-78 "Warga Berinovasi Menjana Transformasi".

"Semua pencapaian dan pengiktirafan ini adalah hasil usaha gigih dan kreativiti setiap warga KD MAHAWANGSA. Kesiagaan pengoperasian kapal ini merupakan komitmen dan kebanggaan mereka. Saya amat berbangga memiliki Warga Kelas Pertama Bertaraf Dunia. Secara langsung mendukung wawasan Tentera Laut Berkualiti Bertaraf Dunia", ungkap Pegawai Memerintah dengan penuh keyakinan.

SR	Tarikh	Personaliti	Pengiktirafan
1.	5 Mac 12	President Sarawak Chamber of Commerce & Industry Datuk Abg Hj Abd Karim bin Tun Abg Hj Openg	<i>I'm speechless. Even this is 30 years old ship, but it looks like a brand new ship to me. 1 grade MAHAWANGSA as 6 Star on management onboard. Inspired me and it takes me only 2 hours to learnt as much as my 3 month Master Management Study.</i>
2.	19 Mac 12	Ketua Pengarah MPC Dato' Mohd Razali Hussain	MAHAWANGSA merupakan organisasi contoh dan penyelamat dalam sektor perkhidmatan awam. Organisasi cemerlang dalam Amalan 5S dan menjadi contoh terbaik di Malaysia.

SIRI LAWATAN DAN PERKONGSIAN AMALAN 5S

SR	TARIKH	LOKASI	ANJURAN	HADIR
1	21 Feb 12	Sandakan	KD SRI Sandakan	80
2	28 Feb 12	Kota Kinabalu	MPC Sabah	60
3	5 Mac 12	Kuching, Sarawak	MPC Sarawak	80
4	19 Mac 12	Lumut, Perak	MPC Wilayah Utara	70
5	27 Mac 12	Kuantan, Pahang	MPC Wilayah Timur	170
6	29 Mac 12	Kuantan, Pahang	MAWILLA 1	120
7	12 Apr 12	Langkawi, Kedah	MPC Kedah/ Mawilla 3	120



Kontijen TLDM berjalan megah pada acara City Parade

EKS MILAN: HUBUNGAN KERJASAMA PELBAGAI HALA

Oleh: Perhubungan Awam Markas Armada

Eks MILAN adalah aktiviti yang dianjurkan pada setiap dua tahun oleh Tentera Laut India (TLI). Perkataan 'MILAN' dalam bahasa Hindi membawa maksud 'bertemu'. Oleh kerana itu, tujuan penganjurannya telah difokuskan kepada menyemai hubungan persahabatan melalui aktiviti kerja, sukan dan sosial di antara tentera laut negara yang dijemput. TLDM secara aktif telah terlibat di dalam aktiviti seumpama ini.

Selain itu, aktiviti malam kebudayaan yang diadakan telah digunakan oleh pihak kapal untuk memperkenalkan makanan dan kebudayaan negara. Ia turut menjadi platform bagi peserta untuk beramah mesra serta berinteraksi bagi bertukar pendapat dan pandangan.

Acara kemuncak Eks MILAN 2012 adalah *City Parade* yang membariskan kontijen dari Angkatan Tentera India iaitu Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara bersama kontijen negara peserta yang lain. Acara ini mirip kepada aktiviti *Freedom of Entry* yang sering dilaksanakan di Wilayah Laut 2. Acara ini turut dimeriahkan dengan persembahan Kumpulan Pancaragam Polis Andaman dan Nicobar serta Tentera Darat dan Tentera Laut India.

Selain dari mengikuti aktiviti Eks MILAN 2012, KD SELANGOR turut mengadakan PASSEX bersama KDB DARULAMAN semasa pelayaran pulang dari Port Blair ke Pangkalan TLDM Lumut.

Pada tahun ini, TLI sekali lagi telah mengundang TLDM untuk turut serta dalam Eks MILAN 2012 yang diadakan di Port Blair, India mulai 1 hingga 6 Feb 2012. TLDM telah diwakili oleh Yang Berbahagia Laksamana Pertama Dato' Mior Rosdi bin Dato' Mior Mohd Jaafar, Panglima Wilayah Laut 3 dan KD SELANGOR untuk menyertai aktiviti ini. Terdapat juga penyertaan dari kapal tentera laut dari negara Brunei, Indonesia, Australia, Bangladesh, Myanmar, New Zealand, Filipina, Singapura dan Thailand.

Ketibaan KD SELANGOR di Jeti Port Blair pada 1 Feb disambut meriah oleh kumpulan pancaragam Tentera Laut India (TLI) dan *Navy Children School*. Pelbagai aktiviti telah direncanakan dimulakan dengan majlis resepsi yang dianjurkan oleh kapal. KD SELANGOR yang merupakan kapal terbesar menyertai Eks MILAN 2012 telah menjadi tumpuan warga Port Blair. Seramai 1,760 orang pelawat telah direkodkan sepanjang 5 jam kapal dibuka untuk lawatan.

Aktiviti sukan yang dipertandingkan adalah bola sepak dan sukaneka yang disertai oleh semua kapal.



Saling berinteraksi diantara pegawai tentera laut yang mengambil bahagian



Pegawai TLDM dan TLI pada malam kebudayaan



TLDM CEMERLANG DI REGATTA ANTARABANGSA LANGKAWI

Oleh: Lt Kdr Chin In TLDM

Tatkala kebanyakan ibu bapa yang lain sibuk menghantar anak-anak ke sekolah pada hari pertama persekolahan, namun tidak bagi 35 orang pelayar TLDM yang terpilih mewakili ATM. Pelayar ini telah memulakan pelayaran ke Langkawi pada 14 Jan 2012 untuk menyertai Regatta Antarabangsa Diraja Langkawi yang telah memasuki edisi ke-10 penganjurannya.

Ianya turut disertai oleh peserta dari negara seperti Australia, Britain, Korea Selatan, New Zealand, Norway, China, Hong Kong, Thailand dan Singapura. Tuan rumah, Malaysia diwakili oleh *Royal Selangor Yacht Club* dan ATM. Sebanyak 7 kategori telah dipertandingkan dalam edisi kali ini. TLDM yang mewakili ATM telah menyertai 2 kategori yang dipertandingkan iaitu Bot Layar Uranus dan Utarid dalam Kategori *Racing* manakala Bot Platu Navy 1 dalam Kategori *Sport*. Pelayaran selama 20 jam dari Lumut ke Langkawi nyata tidak sia-sia apabila Bot Platu Navy 1 muncul Johan, Bot Layar Uranus di tempat Ketiga dan Bot Layar Utarid di tempat Kelima dalam kelas masing-masing.

Pasukan ATM di bawah penyeliaan Lt Kdr Chin a/l In TLDM ini telah menjalani latihan penyesuaian awal sebelum pertandingan di Langkawi pada 6 hingga 8 Jan. Menurut Chin, kejayaan ini juga hasil komitmen yang tinggi dari

pucuk pimpinan TLDM, ketekunan semua pelayar terutamanya *skipper* Bot Platu Navy 1 iaitu BM TMK Masyuri, *skipper* Bot Layar Uranus iaitu PW I TMK Mohamad Razali Mansor dan *skipper* Bot Layar Utarid iaitu PW I TLS Ishak Jab. Disamping itu, kerjasama daripada *Royal Langkawi Yacht Club* sebagai rakan strategik TLDM/ATM sejak tahun 2003 juga antara faktor yang menyumbang kepada kecemerlangan pasukan ATM.

Kejayaan Pasukan ATM dalam regatta antarabangsa dapat dilihat sejak TLDM memperolehi Bot Layar Utarid dan Uranus pada Oktober 2011. Ianya terbukti apabila kejayaan pertama telah dicapai di mana Bot Layar Utarid telah muncul sebagai Naib Johan dalam Kejohanan Regatta Antarabangsa Raja Muda Selangor pada November 2011. Kejayaan ini juga merupakan hasil sumbangan dan tunjuk ajar selama 2 minggu daripada jurulatih berpengalaman dari Australia iaitu Alan Smith.

Kejayaan pelayar ATM ini di Langkawi turut disaksikan oleh Mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamed. Pasukan Navy 1 yang dikemudikan BM TMK Masyuri telah muncul sebagai Johan Kategori *Sport*. Beliau juga merupakan pelayar tempatan tunggal yang berjaya berdiri sebaris dengan pemenang dalam kategori lain. Menurut Masyuri, kejayaan yang sama pernah diperolehinya pada tahun 2006 apabila muncul Johan kategori yang sama tetapi tiada kejayaan diperolehi oleh ATM dalam kategori *Racing* pada ketika itu.



Pelayar ATM bersama Mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir



Bot Layar Uranus dan Utarid

Aksi pelayar TLDM

PEGAWAI TENTERA LAUT UK DI KDSI 1



Penulis: Lt Kdr Karimah bte Awi TLDM

Jurufoto: LK ITNL Mohd Shahidan bin Azizan

Buat pertama kalinya Kursus Pegawai Memerintah Muda atau lebih dikenali sebagai *Junior Officer Command Course (JOCC)* TLDM Siri Ke-33 telah disertai oleh seorang pegawai tentera laut daripada United Kingdom (UK) iaitu Leftenan (Lt) Martyn Mayger yang berkhidmat di bawah Royal Navy (RN), UK. Beliau mula memasuki RN pada 2008 dan merupakan pegawai dari cawangan Eksekutif berkepakaran Navigasi. Sepanjang perkhidmatannya, beliau telah ditugaskan di kapal HMS BLYTH dan HMS PEMBROKE.

Selain daripada Lt Martyn Mayger, kursus ini turut disertai oleh pegawai tentera laut dari negara Indonesia iaitu Kapten Laut (P) Mochamad Reza Achwandi TNI-AL dan dari negara Sudan iaitu Mejar Abdallah Ahmed Abdallah Ahmed. Kursus tersebut juga pernah ditawarkan dan disertai oleh peserta dari negara-negara sahabat yang lain seperti Thailand, Filipina, Myanmar dan Maldives.

"Saya mengucapkan selamat datang kepada para peserta luar negara khususnya kepada peserta dari UK yang pertama kali menyertai kursus ini. Kedatangan peserta luar negara dianggap duta kecil ke negara ini dan perkongsian pengalaman dan ilmu amat penting bagi mengeratkan lagi hubungan dua hala yang telah lama terjalin," ucap Panglima Pendidikan dan Latihan TLDM, Laksamana Muda Dato' Tan Eng Seng sempena majlis perasmian Kursus JOCC di Auditorium KD SULTAN IDRIS 1 (KDSI 1).

Kursus JOCC yang diadakan selama 14 minggu di KDSI 1, Kolej Tentera Laut Diraja, Pangkalan TLDM Lumut itu telah bermula pada 13 Feb dan dijangka tamat pada 15 Mei 2012. Kursus ini bertujuan untuk menyediakan dan melahirkan pegawai tentera laut yang berkelayakan bagi menjawat jawatan Pegawai Memerintah kapal dan juga unit-unit di pangkalan. Modul pembelajarannya merangkumi pentadbiran kapal, undang-undang tentera dan maritim, modul operasi maritim serta penyediaan kertas kajian maritim. Di samping itu, peserta kursus turut didedahkan kepada peranan dan fungsi agensi-agensi kerajaan dan penguasa tempatan yang lain bagi memudahkan tugas mereka apabila memegang tampuk pemerintahan di kapal dan pangkalan.



PPL memberi ucapan kepada peserta kursus

PPL diperkenalkan kepada peserta kursus

ROYAL NAVY MALAY SECTION: PENGAMBILAN REKRUT PADA 1940an

Oleh: PUSMAS TLDM
Foto: Ihsan Arkib Negara Malaysia

LATAR BELAKANG

Sejarah awal penubuhan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah bermula apabila Pasukan *Straits Settlement Naval Volunteer Reserve* (S.S.N.V.R) ditubuhkan pada 27 Apr 1934 oleh Kerajaan British dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri-negeri Selat pada ketika itu. Selain pasukan S.S.N.V.R, terdapat sebuah lagi pasukan lain dikenali sebagai *Royal Navy Malay Section* atau nama ringkasnya *Royal Malay Navy*. Ia telah ditubuhkan pada September 1939 dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan British. Penubuhan bertujuan bagi menampung keperluan keanggotaan yang tidak mencukupi di dalam pasukan *Royal Navy* untuk berkhidmat di kapal-kapal *Armed Merchant Ship* yang telah diambilalih oleh *Royal Navy*. Bagi memenuhi keperluan latihan, sebuah pangkalan telah dibina di Singapura berhampiran King George V Dry Dock dan ditauliahkan diberi nama HMS PELANDOK. Pangkalan ini dilengkapi dengan kemudahan asas bagi tujuan latihan untuk pasukan Malay Navy.

Pegawai Memerintah *Royal Navy Malay Section* dan HMS PELANDOK pertama ialah Lieutenant Commander H. Vickers Royal Navy (RN) manakala Pegawai Laksana pasukan ini, Lieutenant Spilman RN. Beberapa orang jurulatih dari pasukan *Malayan Royal Naval Volunteer Reserve* (M.R.N.V.R) dan *Royal Navy* telah diambil bagi membantu dalam melaksanakan urusan pentadbiran serta rutin latihan di peringkat awal penubuhan. Bagi keanggotaan pasukan pula, ianya dianggotai sepenuhnya oleh anak watan Melayu dan sebahagiannya merupakan bekas anggota pasukan SSNVR yang ditawarkan berkhidmat secara kontrak.

Sepanjang penubuhannya, anggota dari pasukan ini telah terbabit dalam pelbagai penugasan di kapal perang milik *Royal Navy* dan juga kapal *Armed Merchant Ship* semasa melaksanakan



Latihan Menembak Pistol



Latihan Penembakan Meriam

rondaan serta pemasangan ranjau di perairan Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, pasukan ini telah dibubarkan pada Mac 1947 akibat kemelesetan ekonomi yang dialami Britain setelah tamat Perang Dunia Kedua. Sebahagian sahaja anggota dari pasukan ini yang terus berkhidmat dengan Tentera British selepas pembubarannya. Pasukan ini telah diaktifkan semula pada 24 Dis 48 dan dikenali sebagai *Malayan Naval Forces*. Ia merupakan hasil usaha dan kerjasama antara Tanah Melayu dan Singapura di samping dorongan oleh pihak British terhadap isu pertahanan kedua-dua negara. Usaha ini adalah sebagai langkah membendung kegiatan komunis yang mula merebak ke seluruh Tanah Melayu manakala kos bagi menampung keperluan pasukan ini dibiayai oleh Kerajaan Singapura berdasarkan faktor ekonominya yang lebih stabil jika dibandingkan dengan Tanah Melayu ketika itu.

PENGAMBILAN REKRUT

Pengambilan rekrut baru bagi pasukan ini telah bermula pada tahun 1940. Pelbagai usaha untuk menarik minat belia Melayu dalam menceburkan diri dalam pasukan ini dilaksanakan oleh Kerajaan British di Tanah Melayu. Bagi mengisi kekosongan keanggotaan, Pegawai Memerintah HMS PELANDOK telah mengeluarkan surat kepada Pejabat-pejabat Daerah dan



Tentera Laut Melayu sedang berkawat



Rekrut baru



Latihan Kawad Kaki



Latihan Bot

kerajaan berkaitan kekosongan keanggotaan yang perlu diisi. Seterusnya, memohon dilaksanakan temuduga atau pemilihan serta pemeriksaan kesihatan bagi pengambilan rekrut tersebut. Syarat kelayakan bagi memasuki pasukan ini dinyatakan di dalam PELANDOK Form 17 yang menjadi panduan kepada semua Pegawai Daerah atau kerajaan yang bertanggungjawab dalam membantu melaksanakan rutin pemilihan ini. Belia Melayu yang berminat menyertai pasukan ini dinasihatkan menghantar surat permohonan kepada Setiausaha atau Pegawai Daerah untuk mengikuti pemilihan yang dijalankan di daerah masing-masing.

Senarai belia yang berjaya dalam pemilihan tersebut dimajukan ke HMS PELANDOK untuk tindakan selanjutnya. Mereka yang berjaya dalam pemilihan tersebut seterusnya diberikan warden perjalanan ke Johor Baharu melalui keretapi. Pergerakan bagi semua yang terpilih dikoordinasikan oleh Pejabat Daerah atau kerajaan bersama HMS PELANDOK sehingga tiba di Johor Baharu. Seterusnya, wakil dari HM Naval Base di Singapura akan

membawa mereka melapor ke pusat latihan. Sebelum perjalanan, mereka yang terpilih diberikan penerangan serta arahan lanjut oleh Pegawai Daerah dan dikehendaki membawa bersama beberapa dokumen penting peribadi seperti Sijil Kelahiran bagi memudahkan urusan seterusnya. Apabila semua urusan kemasukan telah dilaksanakan, Pegawai Memerintah HMS PELANDOK seterusnya mengesahkan kehadiran mereka melalui surat kepada setiap Pejabat Daerah atau kerajaan yang terlibat.

SYARAT KEMASUKAN, KELAYAKAN DAN KEMUDAHAN

Syarat kemasukan, kelayakan, gaji dan juga kemudahan yang disediakan dalam pasukan Royal Malay Navy diselaraskan oleh HMS PELANDOK pada Februari 1941 seperti yang terkandung di dalam PELANDOK Form 17. Antara kelayakan yang diperlukan untuk menyertai pasukan ini adalah seperti berikut:

1. Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak lebih 24 tahun.
2. Berumur tidak kurang dari 17 tahun dan tidak lebih 24 tahun bagi Bahagian Komunikasi.

3. Berbangsa Melayu.
4. Tidak mempunyai sebarang rekod kesalahan.
5. Lulus sehingga darjah III di Sekolah Melayu.
6. Lulus sekurangnya sehingga darjah VII di Sekolah Melayu bagi Bahagian Komunikasi.
7. Pengetahuan Bahasa Inggeris diperlukan bagi Bahagian Komunikasi.

Belia Melayu yang lulus temuduga serta pemeriksaan kesihatan dan diterima masuk menganggotai pasukan ini perlu menandatangani kontrak perjanjian berkhidmat selama 2 tahun. Kontrak ini boleh diperbaharui setiap 2 tahun bagi mereka yang ingin meneruskan perkhidmatan di dalam pasukan ini. Kemudahan yang disediakan bagi mereka yang berkhidmat ialah peruntukan pakaian seragam setiap tahun dan cuti tahunan sehingga 14 hari. Perkhidmatan perubatan dan kesihatan pula disediakan oleh Asiatic Hospital, HM Naval Base secara percuma. Anggota pasukan ini boleh diberhentikan terus dari perkhidmatan sekiranya didapati menghidapi sebarang masalah kesihatan atau penyakit yang berpunca dari kecuaiannya sendiri.

MEMORI

Kelayakan gaji dan elaun yang diperuntukkan adalah seperti berikut:

1. Kelayakan Gaji


Bahagian	Pangkat	Kelayakan
Kelas	Ordinary Seaman	\$28.00 sebulan
	Able Seaman	\$30.00 sebulan
	Leading Seaman	\$36.00 sebulan
	Petty Officer	\$45.00 sebulan
Komunikasi	Ordinary Signalman Ordinary Telegraphist	\$35.00 sebulan
	Signalman Telegraphist	\$42.00 sebulan
	Leading Signalman Leading Telegraphist	\$48.00 sebulan
	Yeoman of Signals Petty Officer Telegraphist	\$57.00 sebulan

2. Tanda Kelakuan Baik

Tanda	Kelayakan	Syarat
Pertama	\$1 sebulan	3 tahun berkhidmat
Kedua	\$2 sebulan	6 tahun berkhidmat
Ketiga	\$3 sebulan	9 tahun berkhidmat

3. Gaji Tambahan

Bahagian	Kelayakan
Bahagian Bilik Jentera di Kapal	\$5.0 sebulan
Kelasi yang telah lulus "G" atau "I"	\$5.00 sebulan
Kelasi yang telah lulus "Bugler"	\$1.00 sebulan



PENUTUP

Sehingga penghujung tahun 1941, keanggotaan pasukan ini telah mencecah sehingga 1415 anggota setelah usaha ke atas pembesaran pasukan ini mula dilaksanakan oleh Kerajaan British. Bagaimanapun, kebanyakan rekrut hanya diberikan latihan dalam tempoh waktu yang singkat berbanding tempoh latihan asal yang mengambil masa 3 bulan. Malahan, terdapat juga anggota yang terus dihantar berkhidmat di kapal Royal Navy dan Armed Merchant Ship sebagai persediaan sebelum menghadapi peperangan.

Faktor utama yang telah memberi keyakinan kepada pihak Royal Navy sehingga membawa kepada penubuhan pasukan Royal Malay Navy tercatat di dalam Memorandum No.1102 oleh British Naval Commander-In-Chief, China Station bertarikh 11 Sep 40. Memorandum ini dengan jelas menyatakan bahawa semangat, kesediaan serta kemampuan anak Melayu yang telah dipamerkan sepanjang penglibatan mereka di dalam beberapa unit tentera laut sebelumnya menjadi sumber kebanggaan dan keyakinan kepada pihak Royal Navy. Selain itu, beberapa risalah yang dikeluarkan juga menyatakan bahawa anak Melayu yang mengikuti latihan telah menunjukkan peningkatan yang berterusan di dalam aspek kepimpinan sehingga terdapat sebahagian anggota pasukan ini telah dinaikkan ke pangkat yang lebih tinggi dan pihak Royal Navy juga berpendapat bahawa pasukan ini seterusnya mampu untuk berdiri sendiri kelak.

EKS MALAPURA

MEMPERKASAKAN JALINAN KERJASAMA

Oleh: Perhubungan Awam Markas Armada



Pegawai Memerintah kapal kedua-dua negara bersama Panglima Armada

Eksesais MALAPURA yang mula diperkenalkan pada tahun 1984 merupakan latihan bilateral di antara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dengan Tentera Laut Republik Singapura (TLRS) yang dianjurkan secara bergilir pada setiap tahun. Eksesais ini diadakan adalah untuk meningkatkan keupayaan aset kedua-dua negara melalui latihan dan perbincangan profesional di samping mengukuhkan hubungan dua hala antara negara. Pelbagai siri latihan dan aktiviti telah direka bersesuaian dengan objektif dan situasi semasa diantaranya latihan olah perang, rondaan bersama, perbincangan dan perkongsian maklumat maritim serantau serta aktiviti sosial dan sukan.

Eks MALAPURA telah memasuki siri yang ke-22 dan pada tahun ini, ianya telah dianjurkan oleh TLRS. Objektif eksesais kali ini adalah untuk meningkatkan *interoperability* melalui pelaksanaan siri *conventional* dan *non-conventional warfare*. Eksesais ini dibahagi kepada tiga fasa iaitu Fasa Pelabuhan, Fasa Latihan Laut dan Fasa Penutup. Majlis perasmianya telah diadakan di Changi Naval Base pada 27 Feb 2012 yang disempurnakan oleh RSN Fleet Commander, Rear Admiral Lai Chung Han. Manakala Majlis Penutup dilaksanakan di Pangkalan TLDM Lumut pada 7 Mac 2012 yang disempurnakan oleh Laksamana Madya Dato' Abd Hadi bin A. Rashid.

Fasa Latihan Laut telah dilaksanakan di Selat Singapura. TLDM telah menugaskan tiga buah asetnya iaitu KD JEBAT, KD SELANGOR dan KD TERENGGANU

manakala TLRS menugaskan RSS FORMIDABLE, RSS VALOUR dan RSS BRAVE untuk eksesais ini. Turut terlibat ialah pesawat organik kapal iaitu sebuah helikopter Super Lynx milik TLDM dan sebuah helikopter Sea Hawk milik TLRS.

Eksesais sebegini telah dapat meningkatkan dan mengekalkan tahap operasi yang sedia ada dan mengeratkan hubungan serantau di antara kedua-dua negara. Eksesais pada tahun ini juga telah mencapai tujuan ianya ditubuhkan dan objektif yang disasarkan.



Piala yang menjadi buruan pada setiap siri eksesais

CHIEF OF NAVY ROUNDTABLE TALKS PERTAMA KALI DIADAKAN PADA LIMA '11

Oleh: Lt Kdr Ahmad Redhuan bin Osman TLDM
PS 2 Strategi Maritim Mk TL

Security in the Gulf of Aden: Cooperation and Collaboration'

6th December 2011



Panglima Tentera Laut sebagai Moderator

TLDM telah melaksanakan persidangan *Chief of Navy Roundtable Talks* (CNRT) pada Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi 2011 (LIMA '11). Ia telah diadakan pada hari pertama pelancaran LIMA '11 iaitu 6 Disember 2011 bertempat di *Pre-Function Room*, Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, Langkawi. Penganjurannya ditaja oleh Syarikat DAMEN Shipyard Group. CNRT ini juga adalah pertama kalinya diadakan pada LIMA '11.

Sesi pada CNRT ini dirangka selama 2 ½ jam bertemakan '*Maritime Security in the Gulf of Aden: Enhancing Cooperation and Collaboration*'. Ia telah membincangkan pelbagai aspek operasi anti pelanun yang dilaksanakan di Perairan Teluk Aden (PTA) serta isu-isu yang dihadapi dalam meningkatkan kerjasama serantau di kalangan negara yang terlibat. Pada masa yang sama, buat julung kalinya juga menyaksikan penglibatan Panglima Tentera Laut selaku moderator pada sesi tersebut.

Tema yang CNRT telah dibahaskan dan dikupas oleh panel jemputan yang terdiri daripada Panglima Tentera Laut dan wakil Panglima Tentera Laut negara sahabat seperti berikut:

a. Vice Admiral Scott H. Swift, Komander Armada Ketujuh Amerika Syarikat.

b. Rear Admiral Ng Chee Peng, Panglima Tentera Laut Singapura.

c. Rear Admiral Orwen J Cortez, Timbalan Komander Tentera Laut Filipina.

d. Vice Admiral Ray Griggs, Panglima Tentera Laut Australia.

Selain itu, penganjuran CNRT ini telah berjaya mencapai sasaran dengan kehadiran seramai 251 orang peserta yang berdaftar terdiri dari Ketua-ketua Perkhidmatan, Agensi, Jabatan, ahli akademik, pegawai tentera, penyelidik, tokoh korporat dan pempamer dari dalam dan luar negara. Namun demikian, dianggarkan seramai 320 orang peserta menyertai perbincangan ini memandangkan peserta yang tidak berdaftar juga dibenarkan masuk kerana konsep CNRT



Ucapan oleh YB Menteri Pertahanan

dilaksanakan adalah secara *open forum*.

Secara amnya, CNRT yang diadakan buat julung kalinya pada LIMA '11 ini telah dilaksanakan dengan jayanya dan mencapai objektif yang disasarkan. Kehadiran panel jemputan dari negara yang terlibat secara aktif dalam memastikan keselamatan laluan pelayaran di PTA juga telah merencanakan perjalanan CNRT tersebut. Isu yang dikupas telah mengujakan para peserta untuk menuntut penjelasan lebih lanjut atau membahaskan isu tersebut dengan lebih mendalam secara professional. Persefahaman yang timbul melalui CNRT ini juga dijangka dapat meningkatkan lagi kerjasama komuniti maritim antarabangsa dalam menangani isu keselamatan laluan pelayaran di PTA. Ini bagi memastikan laluan pelayaran ini terus dilindungi untuk keselamatan dagangan yang bernilai tinggi. Melalui kejayaan penganjuran tersebut, TLDM komited untuk meningkatkan mutu serta kualiti CNRT pada siri akan datang. Sesungguhnya, kejayaan CNRT ini telah membuktikan keupayaan TLDM serta negara dalam menganjurkan konferensi bertaraf antarabangsa.



Ucapan oleh Komander Armada Ketujuh Amerika Syarikat



Timbalan Komander Tentera Laut Filipina menyampaikan ucapan

MULTI NAVAL COOPERATION: MALACCA STRAITS PATROL AN EXEMPLARY OUTCOME

By
Captain Ganesh Navaratnam RMN



Shaping Malacca Straits Security Landscape

The global security landscape has changed, and so does the maritime security in the Straits of Malacca (SOM). Traditionally, the security and safety of the straits was very much a local issue and concerned mainly the individual littoral states and maybe a small percentage of the user states. It is an empirical fact that the threat of sea robberies and piracy in the straits has always been known to exist since trade first started hundreds if not thousands of years ago. It is also a fact that these criminal acts of armed robberies including piracies at sea will continue to exist as long as there are those who prefer to profit from the thriving trade activities. Similarly, with crime that prevails in our towns and cities globally, as the economic booms it does provide opportunities for all including the haves and have not.

The issues regarding the maritime security in the SOM are very complex. Prevailing threats in the straits encompass a wide spectrum of issues from minor theft incidents in harbour, armed robberies and piracies at sea, environmental pollution, drugs and human trafficking and even up to potential maritime terrorism.

The fact is that these crimes are now considered transnational threats and it further multiplies to the complexity. The number of stakeholders that have interest in the issue pertaining to security of the straits, comprising of littoral states, user states, the international community at large, NGOs, and even the robbers and pirates that form the threats further compounds this complexity. All have differing degrees of interests and priorities and expectations. As for the littoral states, different level of threats and risks as compared to others and its influence on their national interest becomes their focus of contention.

Impetus of Establishing a Multi Naval Cooperation

Why is the security and safety of SOM important? It is a known fact that the SOM is the busiest straits in the world, as well as a choke point that provides vital lifelines to East Asian nations. Over 90,000 vessels pass through the Straits every year; around 30 percent of world trade and 50 percent of world energy needs to pass through the Straits each year. The number of vessels passing through the straits has increased by about 25 percent in the last 20 years and it is projected to increase to

around 141,000 vessels in 2020. Since the 11th Sept, there has been a renewed and revitalized interest in the security of SOM. This can perhaps be attributed to the perception that terrorists might use the dense waterways as their safe haven and staging points.

Additionally, though piracy or armed robbery at sea does not pose a significant threat to the state system, there is a possibility that transnational criminal activities might become instruments of terrorists. Malaysia and other littoral states acknowledge these concerns. Therefore, in working towards collective preservation of each littoral nation state's interest, the impetus was to place importance in achieving a sensible and proportionate response to meet these security challenges. Collectively it was evidently clear that through consensus and mutual realisation of a win-win-situation amongst all stakeholders could only be achieved when the response to be attained was built on the blocks of a shared vision and common interests.

Due to the complexity of other factors related to the maritime security challenges in the SOM, it can reasonably be deduced that any single initiative taken in isolation by any single party

will not generate the optimum results desired. To manage this complexity, the issue needs a disciplined and systematic approach that explores and employs practices, procedures and technologies optimized for this purpose. To address these concerns, Malaysia, Singapore, Indonesia and Thailand have invested significant amount of resources to manage the security of the SOM in a multi naval cooperation framework designated Malacca Straits Patrol (MSP). The question that arises from the preceding discussion is whether this multi naval cooperation has achieved its desired outcome(s)?

Evolution of the Multi Naval Cooperation

Post 9/11 created an unprecedented perception that Southeast Asia will be threatened by major maritime terrorism that invariably evoked an apprehension amongst SOM littoral states that there would be foreign-led intervention in the Malacca and Singapore Straits. In mitigating the insecurity of stakeholders as well as managing perceptions and expectations,



Indonesia, Malaysia and Singapore collectively agreed to establish trilateral coordinated naval patrols. On 20 July 2004, the tripartite naval cooperation MALSINDO an all year-round operation was launched to ensure greater safety for commercial ships that pass through the narrow straits each year. Under this arrangement, the participating states conduct coordinated patrols while facilitating the sharing of information between ships and the Monitoring and Action Agency (MAA).

In September 2005, to reinforce the efforts of the sea patrols with air surveillance, the "Eyes-in-the-Sky" or EIS initiative was launched. This initiative provides combined maritime patrol teams for aerial surveillance over the straits using maritime patrol aircraft of partner states. To improve the effectiveness of the naval and air patrols the MALSINDO partners developed and signed the term of reference and Standard Operating Procedures in April 2006, and renamed the initiative the Malacca Straits Patrols (MSP). The MSP comprises three components; the Malacca Straits Sea Patrol (MSSP), the EIS and the Intelligence Exchange Group (IEG). The IEG was formed in 2006 to support the sea and air patrols, leading to the development of an information sharing platform called the Malacca Strait Patrols Information System or MSP-IS.

Thailand was admitted as the fourth partner of the MSP's trilateral naval cooperation in September 2008 and this transformed the arrangement into a multi naval cooperation. The MSP is an open arrangement with the consent of the of the four littoral states and any other states could be invited to participate on a voluntary basis with the consent and approval of the partner states. There are those who may contend that this naval cooperation does not support a true joint effort as the patrols are conducted in a coordinated

manner rather than in a combined architecture. In reality, whether the naval cooperation is joint or disjointed does not mean that the end is not achievable by other ways and means. From the lenses of the SOM littoral states, the coordinated approach was a much more conducive multi naval cooperation to prevailing sentiments of sovereignty than not having one at all. The conduct of the operation in utilising the coordinated approach in which littoral state's assets remains under their respective national command and be permitted to conduct hot pursuit into the sovereign waters of its partner states with prior approval, did not bear prejudice to the position of all states in relation to any disputed or undelimited areas.

Contribution and Status of the Multi Naval Cooperation

The MSP maritime security initiative created through the multi naval cooperation framework since 2004 is attested to have recorded success. In the article, "Maritime Security in the Southeast Asia: Two Cheers for Regional Cooperation" by Ian Storey (Southeast Asian Affairs 2009), he has quantified that figures published by the International Maritime Bureau (IMB) demonstrates a significant downward trend in the number of reported incidents of piracy and sea robbery in Southeast Asia between 2004 and 2008. This downward trend in the SOM has since spiralled further closer to the zero incident level based on the 2010 Annual IMB Piracy Report. The overall downward trend is also reflected in the statistics compiled by the Singapore based Information Sharing Centre (ISC) which was established in 2006 under the auspices of the Regional Cooperation Agreement on Combating Piracy and Armed Robbery Against Ships in Asia (ReCAAP).

Some however, report that the downward spiralling of the number of incidents of piracy and sea robbery in the SOM is also

KERJASAMA SERANTAU

attributable to the 2004 Tsunami as it was recorded in its aftermath there were zero attacks. However, Catherine Zara Raymond in her article, "**Piracy and Armed Robbery in the Malacca Strait: A Problem Solved?**" (Naval War College Review, Summer 2009, Vol. 62, No. 3) states that this explanation cannot account for the continued decline in piracy from 2005 until now because life has since returned to normalcy and the prediction that crime will return to the SOM has been proven false. Nevertheless, although naval patrols and air surveillance have the desired effect based on outcome in deterring piracy and sea robbery, it is prudent that the root causes of such activities are also addressed ashore where they germinate from issues such as poverty, marginalisation and insurgency. As such, the changing political situation within the SOM littorals where state and non-state actors involved eradicated the root cause of dissatisfaction amicably, this development may well have played a part in the reduction in the number of attacks in the SOM. Nonetheless, the statistics clearly elucidate these one-off events were only watershed in essence but the continuous reduction and containment of piracy and sea robbery from returning to its 2004 levels is an attestation and reflection of the continued contribution of the MSP's multi naval cooperation.

There are those who are concerned that with the decline of piracy and sea robbery incidents in SOM and international interest drawn to the Somalian piracy, the multi naval cooperation between Malaysia, Singapore, Indonesia and Thailand will fizzle out, move into a comfort zone, and reduce its patrols and surveillance operations. To these groups of people, the MSP as a multi naval cooperation has always been exploring creative and innovative initiatives in its Joint Working Groups sessions held every 4 months which are endorsed by the Joint Coordinating Committee

that meets annually. This cycle of planning, execution and assessment of outcomes provides the opportunity for the four littoral states' navies to devise strategies that ensure that MSP as a multi naval cooperation remains relevant and alert to prevailing threats and changing maritime security landscape. Many contend that a combined operation with a bigger footprint in the SOM is needed to suppress the re-emergence of piracy and sea robberies.

Such a statement has been proven wanting when compared to the footprint that the coalition forces and national tasked ships have in the Gulf of Aden which on an average operational count numbers to 30 vessels and undisclosed number of maritime patrol aircraft including unmanned aerial vehicles. After 5 years of multi naval cooperation, the planners of the MSP have identified that relying solely on presence to deter would be enthusiasts of criminal activities is insufficient, what is needed is visible deterrence, information sharing and timely response. To ensure presence is felt, ships and aircrafts are encouraged to interact with strait users to promote confidence and amplify visible deterrence to those who intent to bring ill will to other strait users. Information sharing is slowly but surely growing through the usage of the Malacca Straits Patrol Portal, which provides IEGs the capability to share intelligence and supported by the Information Fusion Centre in Changi Command and Control Centre, Singapore. The centre houses multinational Naval Liaison Officers (NLO) who provides the man-in-the-loop interface that ensures timely response is achievable. In addition, the multi naval cooperation that began as sea patrol, incorporated air surveillance and formed an information-sharing link is now aggressively pursuing capacity-building initiatives. Thus far, two information-sharing exercises have been conducted as to ensure the Monitoring

and Action Agency (MAA) staffs are continuously trained, exercised and competent in the manipulation of the MSP IS.

Supplementary Benefits of Multi Naval Cooperation

It must be acknowledged perennial problem of insecurity has and will challenge multi naval cooperation. It is a reality that cooperation as well as competition is a feature of international politics in the contemporary era, opportunities nevertheless, exists for multi naval cooperation to develop in various forms and for a multitude of reasons within the Asia Pacific Region. The MSP is an exemplary outcome of a multi naval cooperation at the operational level, which allowed for maritime security dialogue and cooperation, which facilitated the actualisation of the ways and means of implementing the cooperation. This cooperation was realised in a region where sovereignty sensitivities are always surfaced through political concerns of overlapping claims and external interferences. The catalyst to the success of this multi naval cooperation is all four littoral states were looking at the 'absolute gains' rather than be concerned with the 'relative gains'. The MSP arrangement in a significant manner has challenged neo-realist proponents argument that we live in a world of mistrust and constant security competition, cooperation between states occurs but it is difficult to achieve and even more difficult to sustain. As such, it is evident common problems that threaten the self preservation of the nation state will influence states to acknowledge the way ahead is best addressed on a cooperative basis without compromising their national independence of action.

The cooperation provides political, strategic, operational and tactical avenues for promoting confidence and security building measures, which previously was only visible at the

political and strategic levels. The younger generation of our Navy People are benefitting most from the frequent interactions during dialogues and cooperation activities. The networks and relations that develop amongst them today will provide the bridges of friendship that could be used to resolve irritations and frictions in future. Notwithstanding, to its rationale for existence, the MSP or multi naval cooperation has also provided the sharing of resources in other areas of concern which currently challenge the maritime security of states outside the SOM domain. Information sharing from nodes within the MSP has been optimised to great success in monitoring human trafficking and/or smuggling from South Asia to known destinations.

The other benefit of such an arrangement allows for creativity and innovative ideas to be bounced and built amongst the operational and tactical staffs of the multi naval cooperation before it is crystallised into proposals to be presented collectively to the political and strategic members. These ideas do not have to be curtailed to the terms of reference of the cooperation and could explore uncharted waters that will expand the envelope of multi naval cooperation. This bottom-up approach will mitigate the challenge in managing perceptions and expectations, and establish a high level of trust between stakeholders in addressing the appropriate strategies and action plans.

Subsequently, it will enhance transparency that builds on existing framework and strengthens partnerships that can facilitate collective preservation. It is also provides crucial access to stakeholders, especially the nation states, naval partners, and others to play their roles towards achieving the shared outcome of collective preservation. As such the ultimate supplementary benefit of multi naval cooperation is that it provides a platform

to continuously be remain engaged.

Conclusion

The aim of multi naval cooperation is to enhance naval understanding, regional and international collaboration and regional security through improved Maritime Domain Awareness in areas such as the SOM. Malaysia and other littoral states have individual capabilities, which meet their individual needs to varying degree but when coordinated was able to achieve the desired outcome. The Malacca Straits Patrol although constituting four littoral states is considered minute when compared to NATO and EU, but its achievement is comparable to this multinational naval cooperation. It has also to be understood that there is no one panacea to how a problem be solved and a universal standard by which a multi naval cooperation must behave. As such, stakeholders have to permit national interests, regional sentiment and common concerns to forge collective adoption and adaption of ways and means to achieve self and collective preservation.

In reality mistrust and fear needs to be overcome, only then will the apprehension of being cheated and the anxiety of relative gains be removed. However, according to Charles Glaser proponent of contingent realism; there are wide ranges of conditions in which adversaries can best achieve their security goals through cooperative policies, rather than competitive ones. As such, realistically the originators of MSP have chosen behaviour congenial to coordinated approach that provides confidence and security building rather than a combined approach that would have exacerbated the security dilemma amongst the littoral states and retarded the efforts to set-up the multi naval cooperation in 2004. Ergo, for those who question the rationale of such arrangements should sound

off their motives transparently rather than suggest their values on to others and disrupt workable arrangements.

To manage the maritime security threats in the SOM in the 21st century, domain awareness of the littoral is a necessity. Being ready to strike at a moment's notice, anywhere and anytime entails a sound real-time collaborative security information environment at strategic, operational and tactical levels. This transformation has brought about new ways of defining capabilities and employment of resources. This transformation has also brought about processes that may involve a long campaign and we have already seen many examples of how teamwork and cooperation will make a difference. By working together, our maritime partnerships have robust capability and that is what it is all about: building a partnership with a capability to defeat any common threats. Building a partnership whose capability is much greater than the sum of its parts can be easily marketable, as the synergy it creates will be part of the regional CBMs.

Nevertheless, our vision is certainly not without challenges. One might say that the current concept of multi naval cooperation in the form MSP is too idealistic and it would be a misleading notion to ignore the challenges that do exist. Each of us have our own challenges; some shared and some unique. One challenge that is common to all at this stage is regional interoperability and building a high level of trust. We all need to take on this challenge squarely and turn it into an opportunity that will benefit all. The solution that the MSP has exemplified is to build blocks of confidence and trust through a multi naval cooperation with behaviours suited to the sentiments of the partners and approaches conducive to self-preservation of nation's interest as well as collective preservation of common interest.

MARKAS ARMADA

JUARA KEJOHANAN MINI OLIMPIK EDISI KE-22

Oleh: Perhubungan Awam Markas Armada



Kontijen Markas Armada meraikan kemenangan

Kontijen Markas Armada diumumkan sebagai juara Kejuhanan Mini Olimpik Edisi Ke-22 berbekalkan kutipan mata sebanyak 104. Markas Armada telah memenangi 14 daripada 29 acara sukan lelaki yang dipertandingkan. Kejuhanan Mini Olimpik 22/2012 yang bermula pada 5 Mac 2012 adalah bertujuan mencungkil bakat-bakat baru sukan dalam TLDM.

Kontijen Markas Armada telah menerima Piala Pusingan KMO sumbangan Panglima Tentera Laut yang disampaikan sendiri oleh Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Haji Jaafar pada upacara penutup kejuhanan yang berlangsung di Pangkalan TLDM Lumut pada 18 Mac 2012. Sementara itu, Kontijen Markas Bantuan pula muncul selaku juara keseluruhan bagi kategori wanita apabila memenangi 4 daripada 9 acara sukan wanita yang dipertandingkan.

Kemenangan Kontijen Markas Armada bertambah manis apabila atletnya diumumkan sebagai Olahragawan KMO 22/2012. Laskar Kelas 1 PAP PASKAL Estino bin Tanyu dari Markas Armada telah memenangi 2 pingat emas dalam acara 400 meter rampaian individu dan 400 meter gaya bebas serta pingat emas masing-masing dalam acara renang selat berpasukan dan juga sukan polo air. Beliau turut memenangi pingat perak bagi acara renang 1500 meter gaya bebas.

Sementara, Laskar Kelas 1 KOM Norazilah binti Osman dari Markas Bantuan pula telah diumumkan sebagai Olahragawati KMO 22/2012. Beliau telah menyerlah dalam 3 acara sukan iaitu hoki, mini marathon dan olahraga. Norazilah telah memenangi 3 pingat emas bagi acara olahraga serta satu emas masing-masing dalam acara mini marathon dan hoki. Di samping itu, beliau turut berjaya memecahkan 3 rekod kejuhanan iaitu di dalam acara minimarathon wanita, 3000 meter lari berhalangan dan 5000 meter jalan kaki.

Kedudukan kutipan mata penuh bagi setiap kontijen pada KMO 22/2012 adalah seperti berikut:

Acara Lelaki

1.	Markas Armada:	104
2.	Markas Pendidikan dan Latihan:	95
3.	Markas Bantuan:	76
4.	Armada:	44

Acara Wanita

1.	Markas bantuan:	24
2.	Markas Pendidikan dan Latihan:	20
3.	Markas Armada:	19



Piala Pusingan KMO diterima oleh Panglima Armada

Olahragawan KMO

Olahragawati KMO

KERJASAMA DAN SIKAP TEGUR MENEGUR SEBAGAI BUDAYA

Oleh: Perhubungan Awam Markas Armada



Ucapan Ulung Panglima Armada

Panglima Armada, Laksamana Madya Dato' Abdul Hadi bin A. Rashid menyeru agar seluruh warga TLDM khususnya warga Formasi Markas Armada menjadikan sikap kerjasama dan budaya tegur sebagai satu budaya yang lebih serius dalam organisasi TLDM.

Panglima Armada berucap kepada warga Formasi Markas Armada dalam Perutusan Ulung beliau pada Majlis Perbarisan Ulung Panglima Armada pada 24 Mac 12 di Padang Kawad KD PELANDOK, Pangkalan TLDM Lumut, Perak. Beliau mula mengambilalih tampuk pemerintahan Armada TLDM mulai 1 Mac yang lalu.

Beliau berkata, "Budaya kerjasama antara anggota dan pegawai samada berlainan unit dan sebagainya perlu ditekankan dengan lebih serius lagi. Pelaksanaan tugas secara berkumpulan selari dengan bimbingan serta nasihat akan memberikan hasil yang lebih baik dan berkesan. Selain dari

itu, budaya tegur menegur antara kita tanpa mengira pangkat perlu dijadikan amalan bukan hanya di tempat kerja malah di mana-mana juga. Selain melaksanakan tanggungjawab terhadap tugas kita juga bertanggungjawab memenuhi tanggungjawab sosial atau kemasyarakatan melalui budaya tegur menegur ini".

Panglima Armada turut menyeru agar warga menjadikan disiplin sebagai tunjang kepada setiap pelaksanaan perancangan kerana ia akan membuahkan kejayaan. Katanya, "Disiplin merupakan tonggak terpenting dalam setiap pelaksanaan serta penentu kejayaan kepada setiap perancangan".

"Saya percaya dengan tertanamnya nilai-nilai agama serta sifat-sifat mulia dalam diri setiap warga TLDM akan menjurus kepada tahap disiplin yang tinggi seterusnya memberi impak yang berkesan kepada TLDM dan ATM amnya," tambah beliau.



Panglima Armada memeriksa konijien perbarisan

LAUT SULAWESI: MEMPERTAHANKAN KEPENTINGAN STRATEGIK NEGARA

Oleh : Lt Muhammad Huzaifah Asraf bin Abdul Jamal TLDM

Pertikaian persempadanan maritim di Laut Sulawesi bermula pada 21 Disember 1979 apabila Malaysia menghasilkan Deklarasi Batas Sempadan Wilayah Laut dan Pelantar Benua melalui Peta Baru 1979 (PB 1979). Pada 8 Februari 1980, Indonesia telah menghantar Nota Bantahan mengenai kemasukan Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan di dalam PB 1979. Malaysia dan Indonesia bersetuju untuk merujuk isu tuntutan kedua-dua buah pulau ke ICJ setelah gagal mencapai persepakatan melalui meja rundingan. Walaupun pertikaian mengenai hak kedaulatan kedua-dua pulau telah terjawab namun status batas sempadan kedua-dua negara sebenarnya masih belum selesai.

Isu persempadanan maritim menjadi semakin panas setelah syarikat minyak milik Malaysia, PETRONAS telah memberikan hak konsesi minyak di dua blok kawasan di Pantai Timur Sabah berdekatan Tawau kepada syarikat minyak antarabangsa, Shell. Dua blok yang dimaksudkan ialah Blok ND6 dan Blok ND7. Tindakan ini dibantah keras oleh kerajaan Indonesia yang mendakwa kawasan tersebut berada di dalam perairan mereka.

Indonesia mendakwa mereka telah memberikan konsesi ND6, yang dipanggil Blok Ambalat kepada syarikat dari Itali, ENI sejak tahun 1999 dan Blok ND7 yang dipanggil Blok Ambalat Timur kepada Syarikat Unocal Corp yang berpangkalan di Amerika Syarikat sejak tahun

2004. Rundingan untuk menyelesaikan masalah persempadanan maritim, pelantar benua dan ZEE di antara Malaysia dan Indonesia mengambil masa yang lama kerana isu-isunya rumit, kompleks dan melibatkan banyak soal-soal tafsiran Undang-undang Laut Antarabangsa. Kerajaan Indonesia mendakwa bahawa Malaysia mahu menguasai kekayaan khazanah maritim di Laut Sulawesi.

Kehadiran kapal-kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di perairan Laut Sulawesi yang menjadi pertikaian antara Malaysia dan Indonesia, penting bagi menyokong tuntutan pemilikan Malaysia terhadap kawasan itu jika ia dibawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) kelak. Perkara ini diakui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di mana beliau pernah memaklumkan, kerajaan perlu memastikan faktor kehadiran rakyat Malaysia di kawasan pertindihan tidak dianggap remeh kerana ia bakal mempengaruhi pertimbangan penghakiman ICJ. Hakikat itu, tegasnya, adalah berdasarkan pengalaman Malaysia kehilangan hak dalam tuntutan kedaulatan terhadap Batu Puteh. Ini kerana jika sesuatu tuntutan dirujuk kepada ICJ, satu daripada faktor utama pertimbangan ialah penguasaan sesuatu pulau membabitkan pemilikan atau penempatan rakyat untuk menyokong tuntutan itu.

Malaysia juga telah melaksanakan tindakan segera



bagi menzahirkan kedaulatan Malaysia ke atas pulau-pulau serta apa jua entiti geografi negara. Dalam hubungan ini, Titik dan Garis Pangkal adalah asas penting dalam penerapan zon-zon maritim tersebut. Bagi melayakkan titik-titik pangkal yang berstatus *low tide elevation* (LTE) ini digunakan sebagai Titik Pangkal, ianya perlu dibina dengan struktur kekal. Kerajaan Malaysia sedang melaksanakan pemasangan struktur kekal



di beberapa lokasi sebagai usaha menzhahirkan kedaulatan Malaysia di perairan wilayah maritim negara.

Perairan wilayah maritim negara perlu dikawal sepenuhnya dari sebarang ancaman yang boleh menyekat Malaysia dari menggunakannya. Ini kerana jika tidak dikawal, Malaysia juga tidak akan dapat mengeksploitasi segala sumber-sumber ekonomi seperti minyak, gas, dan hasil perikanan yang terdapat di dalamnya. Pemantauan ketat oleh kapal-kapal TLDM menerusi operasi yang dijalankan adalah penting bagi menunjukkan kehadiran (show of presence) dalam memastikan negara lain yang membuat tuntutan bertindih tidak membina struktur atau menjalankan aktiviti lain selain memastikan struktur yang dibina Malaysia tidak diceroboh mahupun diganggu negara lain.

Di samping itu, hubungan dua hala Malaysia dan Indonesia adalah salah satu tunggak penting dasar luar Malaysia dalam menyumbang kepada keamanan, kestabilan dan keselamatan rantau ASEAN. Malaysia boleh dikatakan sering melihat hubungannya dengan Indonesia sebagai sesuatu yang

istimewa melalui perspektif geografi, sejarah dan budaya. Justeru itu hubungan istimewa tersebut perlu dipelihara secara berhemah dalam konteks negara jiran yang berdaulat serta berkongsi sempadan darat, maritim dan ruang udara.



Kapal TLDM mengawal perairan wilayah maritim negara



Lalihan sewaktu aman, persediaan menghadapi situasi konflik



Panglima Tentera Laut memberi cenderamata kepada Commander United States Pacific Fleet

HUBUNGAN DUA HALA TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA DAN TENTERA LAUT AMERIKA SYARIKAT TERJALIN ERAT

Oleh: Lt Siti Salina bt Johari TLDM

Kunjungan rasmi Commander US Pacific Fleet, Admiral Cecil D Haney ke atas Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar telah mengesahkan lagi hubungan ketenteraan yang sekian lama terjalin di antara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Laut Amerika Syarikat (TLAS). Ia juga adalah lawatan rasmi pertama Admiral Cecil D Haney ke Malaysia setelah memegang jawatan Commander US Pacific Fleet pada 20 Januari 2012.

Selain dapat bertukar-tukar pandangan, melalui kunjungan rasmi ini juga berupaya meningkatkan hubungan kerjasama serantau dalam aspek pertahanan di antara kedua-dua negara. Pengukuhan kerjasama bagi kedua-dua negara juga dapat dilihat menerusi kursus dan latihan yang dilaksanakan secara bersama. Selain itu juga,

perbincangan turut menyentuh tentang penglibatan negara ahli di dalam *Western Pacific Naval Symposium* yang bakal diadakan pada bulan Mei dan September 2012 serta penglibatan kapal Amerika Syarikat pada pameran *Langkawi International Maritime and Aerospace (LIMA) 2013*. Turut dibangkitkan adalah peningkatan lawatan kapal milik TLAS ke Malaysia.

Selain itu, Admirai Cecil D Haney turut terlibat dalam *Institute of Strategic and International Studies (ISIS) Roundtable Meeting* semasa sesi lawatan kerja ini. Admirai Cecil D Haney dan delegasi juga turut dibawa melawat ke Pangkalan TLDM Lumut.



Kunjungan hormat Commander United States Pacific Fleet ke atas Panglima Armada



Majlis Resepsi di HTMS TAKSIN

Pada masa yang sama, beberapa aktiviti telah dilaksanakan bagi mengisi program lawatan tersebut. Antaranya adalah acara sukan di antara warga Markas dengan warga kapal TLDT melibatkan perlawanan bola tampar, bola sepak dan sepak takraw. Majlis resepsi pula telah diadakan di HTMS TAKSIN dengan kehadiran Pegawai Markas. Turut diadakan pada majlis ini adalah pertunjukan Seni Pertahanan Diri, Pertunjukkan Kawad Senyap dan Persembahan Band oleh Pegawai Kadet Thailand. Majlis ini memberi peluang bagi Pegawai Markas untuk berinteraksi dan beramah mesra sambil berkongsi pengalaman bersama Pegawai Kapal Thailand.

Pihak Markas Wilayah Laut 1 turut mengambil kesempatan dengan kehadiran kedua-dua buah kapal TLDT untuk mengadakan PASSEX bersama-sama KD TERENGGANU di perairan Laut China Selatan sebelum pulang ke Thailand. Dengan aktiviti seperti ini dapat dijadikan pemangkin dalam mengeratkan lagi kerjasama yang telah lama wujud antara tentera laut kedua-dua negara.

TIGA HARI PENUH BERMAKNA BAGI WARGA KAPAL TENTERA LAUT DIRAJA THAILAND

Oleh: Lt Mohd Syahiruddin bin Hamsin TLDM
Jurufoto: LK PRL Amiruddin bin Mohd Dout
LK I KOM Ahmad Romizal bin Ahmad Zaki

Dua buah kapal perang dari Tentera Laut Diraja Thailand (TLDT) iaitu HTMS TAKSIN dan HTMS CHAOUHPRAYA telah melaksanakan lawatan operasi di Pangkalan TLDM Tanjung Gelang pada 24 Mac 2012. Ianya merupakan aktiviti yang sering dilaksanakan bagi mengeratkan hubungan kerjasama di antara TLDM dengan TLDT. Kedua-dua buah kapal ini turut membawa 200 orang pegawai kadet yang menjalani fasa latihan laut.

Kehadiran kapal perang TLDT tersebut ke pangkalan ini turut disertai oleh Ketua Staf Akademi Tentera Laut Thailand, Rear Admiral Pongthep Nhutep yang melakukan kunjungan hormat ke atas Panglima Wilayah Laut 1. Pada sirikunjungan hormat ini, beliau telah diberikan taklimat yang disampaikan oleh

Ketua Pegawai Staf Tadbir serta melawat ke Galeri MAWILLA 1, Wisma Tanjung, Shoppe One, Café One dan Kompleks Jangkar.



Kapal Tentera Laut Diraja Thailand berlabuh di Jeti Pangkalan TLDM Tanjung Gelang



Ketua Staf Akademi Tentera Laut Thailand menandatangani Buku Pelawat

LATIHAN PERANG TIOMAN

Oleh: Perhubungan Awam Wilayah Laut 1

Latihan sewaktu aman merupakan faktor yang penting bagi memastikan kesiagaan Armada di Wilayah Laut 1 sentiasa berada di tahap yang tinggi dan bersedia untuk melaksanakan fungsi semasa konflik. Untuk itu, Markas Wilayah Laut 1 telah memformulasikan satu latihan yang dikenali sebagai Latihan Perang Tioman bagi tujuan tersebut.

Latihan Perang Tioman adalah berkonsepkan evolusi peperangan maritim. Anggota-anggota baru serta anggota-anggota dalam latihan dapat mengadaptasikan pengetahuan teori dalam siri latihan ini. Selain itu, anggota-anggota ini diberi pendedahan kepada taktik peperangan maritim serta ilmu kelautan. Siri latihan yang diadakan meliputi Prosedur Laluan Kawasan Ranjau, Manuvra, Latihan Surface Action Group, Latihan Penembakan Permukaan dan Pandu Arah Gelap. Turut diterapkan dalam latihan ini adalah latihan Melawan Kebakaran dan Mencegah Kebanjiran.

Keberkesanan latihan ini dinilai melalui pemerhatian serta penilaian oleh Tim Penilai yang dilantik. Pemerhatian yang direkodkan dibentangkan dalam siri Hot Wash Up. Siri latihan pertahanan pangkalan turut diadakan selari dengan Latihan Perang Tioman bertujuan untuk meningkatkan tahap keselamatan pangkalan dari sebarang ancaman anasir-anasir luar yang boleh menjejaskan tahap pengoperasian dan pentadbiran pangkalan.



Kapal sedang melaksanakan latihan manuvra



Pelaksanaan latihan Replenishment at Sea



Warga TLDM memberi sokongan pelaksanaan Program Derma Darah

PROGRAM DERMA DARAH WARGA PANGKALAN TLDM KOTA KINABALU (PTKK)

Oleh : Perhubungan Awam Markas Wilayah Laut 2

Hospital Queen Elizabeth (HQE) ketika ini sedang mengalami masalah kritikal kerana kekurangan bekalan darah. Langkah drastik telah diambil oleh Unit Tabung Darah HQE dalam memastikan bekalan mencukupi untuk menampung pesakit yang memerlukan darah. Pangkalan TLDM Kota Kinabalu (PTKK) telah menyertai program ini untuk membantu Unit Tabung Darah HQE. Program ini telah bermula sekitar jam 1400 di Pusat Perubatan Angkatan Tentera (PPAT).



Sebahagian dari Warga TLDM yang menyertai Program Derma Darah

Program yang telah mendapat sambutan baik warga PTKK ini telah disertai seramai 50 orang penderma yang sudi menyertai program yang berlangsung selama 2 jam. Ianya satu permulaan yang baik bagi tahun 2012 bagi warga PTKK. Unit Tabung Darah HQE ini telah diketuai Dr Syahnaz Irwani bte Sabri bersama 8 orang jururawat

telah datang membantu bagi menjayakan program ini. Ianya turut disertai oleh anggota PPAT yang diketuai Mejar Dr Aida Zuraiti bte Abd Raub.

Program ini telah disaksikan oleh Ketua Staf, Kepten Mohd Yusri bin

Hj Mohd Yunus TLDM. Harapan HQE kepada warga PTKK ialah semoga program seperti ini akan dapat diteruskan dari semasa ke semasa demi membantu pesakit yang memerlukan bantuan dan insan yang kurang bernasib baik.



NAVY P





PEOPLE



COORDINATED PATROLING AREA/ JOINT DEVELOPMENT AREA (CPA/JDA)

Oleh: Kdr Hozirne bin Mohd Taib TLDM N/402674



Berdasarkan ketiga-tiga kawasan ini, OP CPA/JDA ini telah dikoordinasikan oleh kedua-dua Negara. Tujuan utama operasi ini adalah bagi mengelakkan pencerobohan nelayan-nelayan luar atau kedua-dua Negara ini terhadap perairan masing-masing, ketidakpatuhan terhadap undang-undang imgresen dan tempatan oleh individu tertentu atau sebarang pengangkutan air kedua-dua Negara serta menghindar kegiatan-kegiatan jenayah di perairan kedua-dua Negara.

Beberapa siri latihan dan evolusi di laut seperti Latihan Manuvra Taktis Pegawai Bertugas Anjungan, *Replenishment at Sea Approaches* (RASAP) serta Latihan Isyarat Semaphore telah dilaksanakan sebagai mengambil peluang untuk menjalankan latihan bersama kapal Tentera Laut Thailand. Selesai latihan bersama, kedua-dua unsur meneruskan haluan masing-masing bagi melaksanakan rondaan di sekitar perairan JDA seterusnya rondaan di sektor rondaan perairan Negara masing-masing.

Rondaan menjurus kepada Inisiatif Bertanya Khabar (IBK) bagi kapal-kapal dagang, bot-bot nelayan dan pelantar-pelantar minyak. Secara keseluruhan terdapat 20 buah kapal dagang, 57 bot nelayan dan 3 pelantar minyak telah dihubungi pada setiap siri rondaan. Berdasarkan IBK yang dibuat, didapati tiada sebarang kesulitan dan kegiatan yang mencurigakan diperhatikan dan dilaporkan.

Kehadiran unsur TLDM dalam melaksanakan rondaan di kawasan operasi ini berjaya mencapai objektif dan sasaran operasi terutamanya dalam mengurangkan aktiviti-aktiviti jenayah dan pencerobohan bot nelayan asing di perairan sempadan dan kawasan JDA. Tugas murni dalam menjaga samudera Negara ini wajar untuk diteruskan bagi mengekalkan keselamatan perairan Negara.

Operasi *Coordinated Patrolling Area/ Joint Development Area* (CPA/JDA) merupakan satu operasi rondaan bersama di antara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Laut Thailand. Kawasan rondaan adalah berdasarkan sektor-sektor yang terdapat pada *Standard Maritime Area of Operation* (SMOA) yang merangkumi kawasan perairan sekitar Negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang serta perairan di sempadan Malaysia-Thailand yang digazetkan sebagai *Joint Development Area* (JDA).

Pada 21 Feb 79, kerajaan Malaysia telah menandatangani sebuah Memorandum Persefahaman dengan kerajaan Thailand yang merangkumi eksploitasi sumber-sumber dasar laut di kawasan tertentu di sempadan pelantar benua kedua-dua Negara di Teluk Thailand. Walau bagaimanapun, kerajaan Malaysia telah menentang isu yang melibatkan aktiviti berkaitan sumber perikanan yang dicadang oleh kerajaan Thailand. Sehingga kini kedua-dua Negara masih mencari penyelesaian mengenai isu tersebut secara diplomatik. Bagi mengelakkan masalah yang mungkin timbul berkenaan isu ini, kapal-kapal TLDM telah disekat untuk melakukan sebarang tangkapan atau penggeledahan terhadap bot-bot nelayan Thailand di dalam kawasan JDA. Isi kandungan lain daripada memorandum tersebut ialah kedua-dua Negara bersetuju bahawa tujuan memorandum tersebut dibuat adalah bagi mengukuhkan hubungan diplomatik di antara kedua-dua Negara dan bersetuju bahawa memorandum ini berkuatkuasa selama 50 tahun bermula daripada tarikh memorandum ini ditandatangani. Kedua-dua Negara juga bersetuju bahawa jika tiada persetujuan dicapai

bagi permasalahan yang timbul dalam memorandum ini bagi tempoh 50 tahun tersebut, memorandum ini akan terus berkuatkuasa sehingga perbincangan atau persefahaman lain dapat dicapai oleh kedua-dua Negara kelak. Selain itu, memorandum ini juga menuntut agar kedua-dua Negara bekerjasama dalam mengatur dan merancang hal-hal keselamatan, pembangunan dan penguatkuasaan undang-undang maritim bagi kawasan JDA.

Hasil daripada memorandum tersebut, terdapat tiga kawasan utama yang diwujudkan bagi memudahkan penguatkuasaan dan eksploitasi sumber-sumber dasar laut kedua-dua Negara. Kawasan-kawasan tersebut ialah, kawasan pertindihan kawasan pelantar benua kedua-dua Negara (JDA), kawasan perairan Negara Thailand dan kawasan perairan Negara Malaysia. Kawasan pertindihan sempadan pelantar benua kedua-dua Negara tidak boleh dianggap sebagai garisan sempadan pelantar benua Negara masing-masing. Kawasan JDA seterusnya terbahagi kepada 2 iaitu JDA Kelantan/ Narathiwat, dibawah penguatkuasaan TLDM dan JDA Satun/ Perlis, di bawah penguatkuasaan Polis Marin.

BENGGEL PERTAHANAN DIRI PEGAWAI DAN ANGGOTA WANITA TLDM

Oleh: SELWA TLDM



Keganasan terhadap wanita seringkali menjadi paparan di dada akhbar setiap hari. Umum mengetahui keganasan terhadap wanita meliputi semua aspek perbuatan menganiaya wanita dalam pelbagai cara termasuk penderaan fizikal, emosi dan sosial. Menyedari hakikat ini, satu Bengkel Pertahanan Diri bagi Pegawai dan Anggota Wanita TLDM telah diadakan pada 3 Apr 12 di Dewan M. Sidek Shahbudin, Pangkalan TLDM Lumut.

Bengkel ini dikendalikan oleh Master Saiful dari Kick Start Academy, Kuala Lumpur dengan kerjasama SELWA TLDM. Bengkel merangkumi 7 modul intensif tentang bagaimana menangani keganasan terhadap wanita yang merupakan salah satu daripada bentuk diskriminasi gender.

Modul pembelajaran menekankan peserta tentang prinsip pertahanan diri di mana setiap individu wajib mempunyai pengetahuan atau pendidikan keselamatan berkonsepkan kesedaran (awareness), pencegahan (psychology & emotion), mengelak (avoidance), tindakan fizikal (survival) dan tindakan selepas kejadian.

Penyampaian pembelajaran pada sesi pagi lebih berkonsepkan teori manakala pada sesi petang pula berkonsepkan latihan praktikal. Peserta telah dibahagikan kepada dua kumpulan untuk melakukan simulasi *under attack*. Bengkel ini telah memberi kesedaran kepada peserta bahawa nyawa individu dan orang tersayang adalah lebih berharga daripada harta benda. *The Navy People* perlu peka dengan keadaan sekeliling serta

harus bertindak bijak dalam mengawal suasana sekiranya situasi sebenar berlaku.

Secara dasarnya, peserta berpuas hati dengan cara penyampaian dan ilmu yang telah disampaikan. Selain mendapat pengetahuan berkenaan pengurusan ketakutan dan panik, para peserta turut berpeluang mempelajari tips-tips berguna untuk menjaga keselamatan diri dari ancaman keganasan seperti teknik asas pertahankan diri yang berkonsepkan 'streetwise', dan konsep bagaimana melawan tanpa berlawan.

Kesimpulannya, bengkel yang dihadiri oleh 83 orang peserta ini telah mencapai objektif yang telah disasarkan. Semoga segala ilmu yang telah dipelajari dapat dimanfaatkan serta dapat diaplikasi dengan mengambil tindakan bijak bagi melepaskan diri ketika berhadapan dengan keganasan dan ancaman jenayah.



Jurulatih memberi penerangan dan tunjuk ajar kepada peserta

PENGLIBATAN TLDM DALAM TUGAS TIM OPERASI MENCARI PENYELAM HILANG DI LAUT

Oleh: Perhubungan Awam Markas Armada

Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah menugaskan Tim Penyelam dari KD DUYONG dan asetnya iaitu sebuah bot tempur serta sebuah helikopter Fennec milik TLDM dalam membantu pencarian seorang penyelam yang dilaporkan hilang di Perairan Batu Hitam, Kepulauan Sembilan pada 17 Mac. Berdasarkan maklumat, penyelam yang hilang adalah Ir. Muhammad Nasr bin Mokhtar, yang merupakan pesara TLDM. Beliau dilaporkan keluar menyelam bersama 12 orang lagi rakan, membuat selaman kira-kira jam 10.45 pagi. Beliau kemudiannya didapati tidak timbul selepas selesai penyelaman.



Operasi bersama Agensi Penguatkuasaan Maritim Negara

Tim penyelam TLDM seramai 8 orang diketuai oleh Leftenan Komander Zaidi bin Husain TLDM, dan bot tempur diketuai oleh Leftenan Mohd Shahrin bin Omar TLDM telah ditugaskan ke lokasi kira-kira jam 1.00 tengahari untuk bantuan mencari dan penyelaman. Sementara, pesawat Fennec yang diterbangkan oleh Kdr Ajazi bin Jamaluddin TLDM dan pembantu juruterbang Leftenan Roni bin Temu TLDM bertindak membuat pencarian dari udara.

Bilik operasi mencari dan menyelamat bagi operasi ini diaktifkan oleh Daerah Maritim 3 (DM3), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Sebelum ini Tim Penyelam KD DUYONG turut terlibat dalam misi mencari dan menyelamat bagi membantu Pasukan Bomba dan Penyelamat Ipoh, pada 12 Mac untuk operasi mencari mangsa lemas, Jistri bin Zainon, 45 tahun yang terjatuh dari bot ketika memancing di Empangan Sultan Azlan Shah, Ulu Kinta. Untuk operasi tersebut, TLDM telah menghantar satu tim terdiri daripada 12 orang penyelam yang diketuai oleh Leftenan Komander Mohamad Nor bin Othman TLDM.

KD SULTAN IDRIS I LAHIRKAN PEGAWAI PEPERANGAN PERIUK API

Oleh: Perhubungan Awam Markas Armada

Peperangan Periuk Api adalah penting kerana ia merupakan 'silent killer' yang mana keupayaannya adalah untuk memusnahkan aset musuh secara senyap. Oleh itu, TLDM harus melahirkan pegawai yang mampu melaksanakan tugas sebagai Pegawai Peperangan Periuk Api di kapal mahupun di pangkalan. Justeru, penerapan ilmu pengetahuan secara teori dan praktikal melalui Kursus Kepakaran Pegawai Peperangan Periuk Api dapat melahirkan pegawai yang berkeupayaan untuk menyelia dan melaksanakan operasi memasang, menjejak, membersihkan dan memusnah periuk api.

Kursus ini dilaksanakan selama 6 bulan bermula 9 Feb hingga 16 Sep 12 di KDSI 1, Kolej Tentera Laut Diraja. Panglima Armada dalam ucapannya telah mengingatkan peserta kursus agar menyediakan diri secara fizikal dan mental bagi memastikan proses pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan. Beliau turut menyeru agar semua peserta bersungguh-sungguh dalam menjalani kursus. Dengan mempunyai pegawai yang terlatih dalam bidang peperangan periuk api ini dapat menentu dan memastikan keselamatan aset-aset TLDM yang lain.

Peserta kursus kali ini terdiri daripada 10 orang pegawai berpangkat Lt TLDM. Peserta kursus harus mengikuti pembelajaran dan lulus kesemua ujian peperiksaan bertulis yang mengandungi 17 Modul.

Peserta kursus diwajibkan lulus Ujian Penilaian Praktikal yang dilaksanakan di KD DUYONG semasa Modul Olah Perang Periuk Api dan Modul Latihan Sambil Kerja di kapal-kapal dari Skuadron Pemusnah Periuk Api bagi melayakkan diri menerima Lencana Kepakaran Peperangan.



Ucapan Panglima Armada kepada penuntut kursus



Jurulatih dan peserta kursus tekun mendengar ucapan

MODUL PEGAWAI PEPERANGAN PERIUK API

- Explain Mine Warfare
- Explain Sea Mine
- Underwater Explosion
- Tactical Oceanography
- Underwater Sound Transmission
- Sonar Performance Prediction
- Mine Countermeasures (MCM) Operations
- Mine Burial Prediction Procedure
- MCM Planning and Evaluation
- Mine Hunting Operations
- Mine Sweeping Operations
- Mine Warfare Navigation
- Mine Warfare Clearance Diving
- Route Survey Operations
- Risk and Self Protective Measures
- Mine Laying Operation
- Mine Warfare Command Control and Logistic Support

WARGA TLDM DISARAN TINGKATKAN PENGETAHUAN KE TAHAP TERTINGGI

Oleh: Karlzidaniq

Jurugambar: BM TLS Rizan Shafei/LK I PAP Raja Shaari Raja Jusoh



Panglima Tentera Laut bersama penerima anugerah

Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sentiasa memberi peluang kepada semua warganya untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi demi membaiki taraf pendapatan yang diperolehi agar lebih baik.

Peluang ini diberi selaras dengan skim baru perkhidmatan awam yang menekankan aspek kelayakan akademik dalam pemberian gaji dan kenaikan pangkat. Dalam konteks ini, TLDM telah melaksanakan tindakan drastik meletakkan syarat syarat kelayakan memasuki perkhidmatan daripada Sijil Rendah Pelajaran (SRP) kepada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Seajar dengan tindakan itu, TLDM juga telah berusaha untuk mengimplementasikan kenaikan pangkat anggota-anggota bawahan TLDM ke pangkat Laskar Kanan (LK) dilaksanakan seawal lapan tahun perkhidmatan dan ianya sedang dipertimbangkan oleh kerajaan.

"Dengan memiliki pengetahuan yang tinggi di dalam akademik dapat digunakan di dalam pengoperasian peralatan dan

kelengkapan berteknologi tinggi dan canggih di dalam inventori TLDM. Pengoperasian kapal selam, kapal ronda generasi baru dan helikopter memerlukan anggota yang kompeten dan komited untuk mengendalikannya".

"Anggota TLDM turut disaran merebut peluang untuk meningkatkan pengetahuan perkhidmatan, kemampuan diri dan tahap professional agar tidak ketinggalan dalam arus pemodenan dan transformasi TLDM ke arah mencapai visi

Tentera Laut Bertaraf Dunia," kata Panglima Tentera Laut (PTL), Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Hj Jaafar selaku Pegawai Tabik Hormat ketika berucap sempena Perbarisan Tamat Latihan Perajurit Muda (PtM) TLDM Pengambilan ke-206/11 di Padang Kawad KD SULTAN ISMAIL (KDSI), Tanjung Pengelih, Johor, pada 3 Mac 2012.

"Warga TLDM juga diingatkan supaya sentiasa menyemat empat nilai teras TLDM iaitu Kemuliaan, Kesetiaan, Keberanian dan Kebanggaan. Penerapan nilai teras yang digariskan ini mampu memastikan setiap warga TLDM mempunyai nilai-nilai yang murni serta meningkatkan tahap integriti. Saya berharap semua warga TLDM dapat menguasai empat nilai teras ini dan sekaligus mampu membantu TLDM mengurangkan kes-kes disiplin dan kejadian yang tidak diingini," tambahnya lagi.

Seramai 242 PtM TLDM masing-masing 214 lelaki dan 28 wanita berjaya menamatkan latihan asas ketenteraan PtM TLDM kali ini. Bersempena upacara perbarisan tersebut



Panglima Tentera Laut memeriksa Perbarisan Tamat Latihan Perajurit Muda



sebanyak enam anugerah telah disampaikan oleh PTL. Anugerah tersebut adalah PtM Terbaik Keseluruhan Lelaki (PtM Muhamad Taufek Kamarudin), PtM Terbaik Keseluruhan Wanita (PtM Rosni Nani Anak Tanjung), PtM Terbaik Kawad (PtM Mohamad Hazem Hakimi Mohamad Azhar), PtM Terbaik Akademik (PtM Mohd Izham Ahmad Rodi), PtM Terbaik Sukan Lelaki (PtM Faddley Lunsing), PtM Terbaik Sukan Wanita (PtM Nursyazwani Anuar) dan Divisyen Terbaik Keseluruhan (Divisyen Panglima).

Penerima Anugerah Terbaik PtM Wanita Keseluruhan, Rosni Nani Anak Tanjung, 22, berkata beliau pertama kali jatuh cinta kepada TLDM kerana pakaian seragamnya yang kemas dan bersih. "Saya amat berbangga kerana terpilih sebagai salah seorang anggota TLDM. Saya akan bekerja bersungguh dalam bidang yang diceburi sehingga ke tahap pegawai," kata Rosni yang bercita-cita untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dalam bidang pengurusan.

Jenathan Panikel Selvan, 22, berkata beliau amat bersyukur dan berbangga kerana terpilih menjadi anggota TLDM yang selama ini telah menjadi idamannya. "Saya amat berbangga dan mengucapkan terima kasih kepada TLDM kerana memilih saya sebagai salah seorang PtM untuk pengambilan kali ini," katanya yang bercita-cita untuk meningkatkan prestasi diri sehingga ke tahap pegawai TLDM.

Selain daripada perbarisan dan penyampaian anugerah kepada PtM terbaik, seluruh seisi keluarga PtM yang terbabit dan juga orang ramai berpeluang melihat dengan lebih dekat kapal perang TLDM iaitu KD SRI INDERA SAKTI, KD HANDALAN dan KD GANYANG yang dibuka untuk lawatan orang ramai.



Perajurit Muda berdiri megah diperiksa Panglima Tentera Laut



Panglima Tentera Laut menerima tabik hormat daripada Perajurit Muda



Sokongan dan dorongan keluarga Perajurit Muda



Lawatan ke kapal yang berlabuh di Jeti Pangkalan TLDM Tanjung Pengelih

NILAI SEBUAH PENGORBANAN

Sumber : Perhubungan Awam Markas Armada



Panglima Angkatan Tentera menyampaikan cek kepada waris Allahyarham

Pengorbanan adalah satu perkara yang tidak dapat dinilai dengan wang ringgit. Namun begitu, penghargaan wajar diberikan ke atas setiap pengorbanan. Berlanjutan itu, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) tidak melupakan jasa warganya yang terkorban semasa atau setelah menjalankan sesuatu operasi atau misi. Oleh itu, sebagai menghargai pengorbanan dan jasa Allahyarham Kdr Husaini bin Shamsuddin TLDM, ATM dan Kementerian Pertahanan telah bersetuju meluluskan Hadiah Keperwiraan kepada waris Allahyarham yang keseluruhannya berjumlah RM 480,724.51. Hadiah keperwiraan ini adalah gabungan dari tiga agensi meliputi Pampasan Khas Insuran PBB berjumlah RM 209,355.05, Pampasan Insuran Skim Takaful Berkelompok ATM berjumlah RM153,000.00 dan Wang Ganjaran Terbitan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) berjumlah RM 118,369.46.



Allahyarham Kdr Husaini bin Shamsuddin TLDM dalam kenangan

Majlis Penyerahan Mock Cheque Hadiah Keperwiraan kepada waris Allahyarham Kdr Husaini bin Shamsuddin TLDM N/402357 telah disempurnakan oleh Panglima Angkatan Tentera, Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli bin Mohd Zin pada 27 Mac 2012 bertempat di No. 74 Fasa 1D2, 32040 Sri Manjung, Perak Darul Ridzuan.

Allahyarham Kdr Husaini bin Shamsuddin TLDM telah menamatkan misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di bawah United Nations Mission In



Panglima Angkatan Tentera berbual dengan ahli keluarga Allahyarham



Sudan (UNMIS) pada 16 Ogos 2011 yang lalu. Beliau telah kembali ke rahmatullah pada 4 September 2011 akibat komplikasi jangkitan malaria semasa bertugas di kawasan misi. Jenazah beliau telah selamat dikuburkan di Tanah Perkuburan Islam Fasa 3C, Sri Manjung, Perak selepas solat Zohor pada hari yang sama. Allahyarham telah meninggalkan seorang balu iaitu Puan Noor Razilah binti A'azmi dan 4 orang anak (3 lelaki dan seorang perempuan).



13TH CITY DAY REGATTA 2012

Sumber: Perhubungan Awam Markas Wilayah Laut 2



Pelayar Navy Yatch Club Kota Kinabalu Bersama bot masing-masing

City Day Regatta 2012 telah diadakan di Kinabalu Yacht Club, Tanjung Aru, Kota Kinabalu pada 25 dan 26 Feb menyaksikan penampilan bergaya oleh pelayar-pelayar Navy Yacht Club Kota Kinabalu (NYCKK), Markas Wilayah Laut 2 (MAWILLA 2), Pangkalan TLDM Kota Kinabalu. Regatta tersebut telah disertai oleh kelab-kelab pelayaran dari seluruh Sabah dan Labuan serta wakil dari Indonesia. Kategori yang dipertandingkan pada edisi kali ini adalah kategori *Sail Board, International 470, Laser Standard, Radial, Laser 4.7 dan Optimist*.

Semangat daripada moto yang diilhamkan oleh Panglima Wilayah Laut 2, Yang Berbahagia Laksamana Muda Dato' Anuwi bin Hassan iaitu **'Berjaya dengan Bergaya'** kepada para pelayar NYCKK telah menaikkan semangat juang untuk mengungguli kategori *International 470* dari kedudukan Pertama hingga kedudukan ke-7 daripada 11 penyertaan.

Regatta yang dianjurkan pada kali ini turut disertai oleh Kepten Jean Louis Fournier RFN dan Komander Eric Vigouroux RFN. Kedua-dua pegawai tersebut merupakan Pegawai Tentera Laut Perancis yang bertugas di Markas Angkatan Kapal Selam yang bertanding dalam kategori *International 470*. NYCKK turut diwakili oleh anak-anak warga TLDM dalam kategori *Laser 4.7*.

Majlis penutup dan upacara penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Kepten Mohd Yusri bin Hj. Mohd Yunus TLDM, Ketua Staf MAWILLA 2 selaku Komodor NYCKK. Sesungguhnya kemenangan ini adalah hadiah perpisahan yang bermakna daripada Ahli NYCKK buat Yang Berbahagia Laksamana Muda Dato' Anuwi bin Hassan yang telah banyak memberi sokongan bagi kemajuan sukan layar di PTKK.



Upacara penyampaian hadiah



Aksi pelayar mengendalikan bot



Bersaing untuk bergelar juara

PROGRAM TEAM BUILDING BAKAT ATM

Oleh : SELWA TLDM



Program Team Building telah diadakan dari 24 hingga 25 Mac 12 bertempat di Tanah Alna Resort, Raub, Pahang. Program dua hari satu malam ini adalah anjuran bersama BAKAT ATM dan BAKAT Laut telah dihadiri oleh 32 orang peserta yang terdiri daripada Jemaah Tertinggi BAKAT ATM dan juga Exco BAKAT Perkhidmatan.

Objektif utama program ini ialah untuk memperkasa barisan pemimpin di bawah kelolaan BAKAT Laut supaya menjadi pelaksana yang berdaya juang, berwawasan, beretika dan komited terhadap perjuangan BAKAT. Selain itu, dapat melahirkan pemimpin yang bertoleransi sejajar dengan hasrat kerajaan yakni membentuk pemimpin yang berfikiran terbuka dan berupaya bertindak dalam situasi yang berbeza.

Aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang program ialah aktiviti *Jungle Tracking*, *Water Confident*, Uji Cergas dan Aktiviti Malam Seribu Kenangan. Selain dapat menjaga kecergasan fizikal dan menguji kekuatan serta ketahanan diri setiap peserta, aktiviti pengisian rohani (spiritual) turut diterapkan kepada peserta melalui aktiviti kuliah subuh.

Peserta telah dibahagikan kepada 4 kumpulan iaitu Kumpulan Cempaka, Kumpulan Melor, Kumpulan Teratai dan Kumpulan Anggerik. Pelbagai aktiviti *indoor games* telah dijalankan seperti *Follow Me*, *Guess What*, *Drunken Sailor*, *Back to Back*, *Test Drive*, *Drive Thru*, dan Galah Panjang. Aktiviti *indoor games* ini menggalakkan peserta bersaing sesama sendiri secara sihat dan menguji sejauh mana daya kesepakatan serta kesefahaman peserta dalam bekerja secara berkumpulan.

Majlis penutup telah disempurnakan oleh Puan Sri Datin Sri Kalsom bte Wan Awang, Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT ATM. Kebanyakan peserta berpuas hati dengan prasarana dan kemudahan yang telah diberikan oleh pihak resort dan penganjur. Suasana pembelajaran yang kondusif walaupun berbentuk *games* ternyata mampu memberikan *input* yang berguna kepada para peserta sesuai dengan cogan kata BAKAT 'Sentiasa Berbakti'.



Aktiviti pengisian rohani



Ceria melaksanakan aktiviti yang di programkan



NAVAL TERMS

ADRIFT Afloat and unattached in any way to the shore or seabed, but not under way. It implies that a vessel is not under control and therefore goes where the wind and current take her (loose from moorings, or out of place). Also refers to any gear not fastened down or put away properly. It can also be used to mean "**absent without leave**"

AVAST Means Hold! Enough! Finish! It comes from the Italian word "**basta**"

AYE AYE The derivation of this is generally thought to be unknown, but some experts think it may possibly come from the German "**Eiey!**" - an exclamation of astonishment or admiration

CHOP-CHOP Hurry up / as fast as possible



DAVY JONES LOCKER Bottom of the sea

HELMSMAN A person who steers a ship

HOLIDAY A gap in the coverage of newly applied paint, slush, tar or other preservative




Bottom of the sea

MAKE-AND-MEND The official naval name for a half-holiday. It comes from the old pipe "Hands to Make and Mend Clothes", the traditional occupation for the hands when no official ship's work is to be carried out

PORT Towards the left-hand side of the ship facing forward (formerly Larboard). Denoted with a red light at night.

STARBOARD Towards the right-hand side of the ship facing forward (formerly Larboard). Denoted with a green light at night

WAKIE-WAKIE A signal on the bosun's pipe to signal the beginning of the day



KEALPAAN PENGGUNAAN LAMAN SOSIAL OLEH ANGGOTA ATM

Oleh : Perhubungan Awam Markas Wilayah Laut 2

Dahulunya, manusia berhubung dengan isyarat atau perantaraan burung dan sebagainya, namun revolusi teknologi telah mengubah segalanya dalam sekelip mata sehingga ada yang mengatakan " dunia di hujung jari ". Perkembangan teknologi yang begitu pesat "bagaikan cendawan yang tumbuh selepas hujan" benar-benar membuka mata manusia melalui sistem komunikasi tanpa wayar (wireless) dan apa yang lebih mengajabkan, manusia kini mampu berhubung "face to face" melalui kaedah 3G, Yahoo Messenger, Streamyx dan sebagainya. Gambaran ini jelas menunjukkan bahawa dunia kini dilanda wabak teknologi yang dahsyat sehinggakan ramai dikalangan anggota ATM khususnya terkena suatu sindrom yang dikenali sebagai "techno syndrome".

Virus yang kian merebak dikalangan dunia IT kini kurang bahaya dibandingkan dengan virus yang dicipta sendiri dari kalangan anggota ATM. Apa yang dimaksudkan adalah "pencemaran maklumat dalaman" dari kalangan anggota ATM dan ini amat membimbangkan apabila mereka mudah sekali terpengaruh dengan teknologi yang diperkenalkan serta ingin mencuba perkara baru. Tidak salah meneroka alam maya ini tapi perlu tahu batas-batas dan etika dalam ATM kerana terdapat banyak maklumat-maklumat yang mudah tersebar tanpa disedari.

Sebagai contoh, penggunaan laman sosial seperti Facebook pada masa kini mendapat sambutan yang tinggi di kalangan masyarakat dunia dan juga tidak terkecuali bagi anggota ATM. Di laman ini, kita boleh berkongsi pengalaman, meletakkan data peribadi dan juga aktiviti seharian yang kita

lakukan kepada rakan-rakan yang kita kenali. Namun, tanpa pemantauan yang teliti dengan memaparkan segala maklumat dengan sewenang-wenangnya secara tidak sedar, maklumat itu boleh diperamati dengan mudah oleh pengguna yang tidak kita kenali khususnya pengguna asing dari Negara-negara lain. Secara tidak langsung, maklumat-maklumat rahsia sering kali terdedah dan ini boleh mengancam keselamatan terhadap negara kita sendiri.

Sebagai contoh, gambar-gambar yang dimuat naik secara terus ke akaun Facebook bagi dijadikan bahan tatapan umum. Tanpa disedari, foto-foto tersebut kebanyakannya diambil di dalam pejabat dan kem-kem tentera. Malah foto-foto tersebut menunjukkan individu yang bergambar berlatar belakangkan aset-aset yang harus dirahsiakan oleh ATM. Gambar kawasan-kawasan larangan juga dengan secara tidak sengaja dimasukkan ke dalam Album Facebook. Sedikit sebanyak maklumat tersebut dijadikan bukti yang bernilai bagi Negara lain untuk mengetahui tahap kesiapsiagaan ATM.

Seharusnya kita sedar bahawa maklumat di Facebook boleh dijadikan *database* (pangkalan data) pihak asing untuk

memantau kehidupan dan maklumat peribadi anggota ATM.

Pengguna Facebook dinasihati agar mengambil sikap lebih berhati-hati dengan mengaplikasikan saranan berikut:

Sentiasa berpegang pada Ikrar Kesatria yang kelima.

Tidak memasukkan perincian peribadi yang sensitif seperti pekerjaan, minat dan sebagainya. Cukuplah sekadar menyertakan nama, tarikh lahir dan latar belakang pendidikan.

Tidak berkongsi terlalu banyak gambar peribadi (melambangkan seorang anggota tentera) tanpa had. Tanpa kawalan ia bakal membawa kepada pencemaran maklumat ATM, perlu diingat ia akan kekal di Facebook orang yang dikongsi dan juga Pengasas Facebook.

Hadkan dan kurangkan perciciran soal kerjaya dan aset-aset ATM dengan rakan awam dalam mahupun luar Negara.

Tidak terlibat dalam pertukaran maklumat-maklumat sebagai contoh aset-aset ATM dalam bentuk foto mahupun bertulis.



LAWATAN BAKAT LAUT KE BEIJING, CHINA

Oleh : SELWA TLDM



Peserta rombongan bergambar di Kota Larangan

BAKAT Laut telah menganjurkan Lawatan Sosial ke Beijing, China pada 6 hingga 12 Apr 12. Seramai 26 orang ahli BAKAT Laut beserta tetamu jemputan telah mengikuti lawatan tersebut yang diketuai oleh Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Laut iaitu YBhg Puan Sri Sarah bte Ab Ghafar. Lawatan selama 7 hari 6 malam ini telah berjalan dengan jayanya mengikut jadual yang telah dirancang.

Ketibaan semua peserta rombongan di Lapangan Terbang Beijing telah disambut meriah oleh Penasihat Pertahanan Malaysia di Beijing iaitu Kept Zualkafly bin Hj Ahmad TLDM bersama isteri dan beberapa orang staf Kedutaan. Turut hadir menyambut ketibaan ahli BAKAT Laut ialah YBhg Dato' Abd Rahman bin Abd Karim bersama isteri Datin Norol'ain bte Mior Ibrahim yang sedang mengikuti kursus *National Defence* di Universiti China, Beijing.

Antara tempat-tempat menarik yang telah dikunjungi sepanjang berada di Beijing, China adalah seperti Tian An Men Square, Kota Larangan, Summer Palace, Tembok Besar China, persekitaran Stadium Akuatik Olimpik, Pusat



Bersarapan di Kediaman Belajar Malaysia Champing



Bergambar di Tembok Besar China



Menaiki Bullet Train ke Tian Jin

Bandar Beijing, kawasan Komersial Shichahai, Beihai Park (North Sea Park), Pusat Mutiara dan membeli belah di beberapa lokasi terkenal dengan barangan murah Beijing.

Peserta rombongan telah menikmati pemandangan indah di beberapa tempat di Beijing yang dihiasi dengan rimbunan bunga sakura beserta dengan cuaca dingin bersuhu 10 hingga 16 darjah Celsius pada waktu siang dan beku di malam harinya. Peserta berasa sungguh seronok walaupun kepenatan berjalan di Kota Larangan dan mendaki Tembok Besar Cina namun peserta tetap ceria bertengah kerana pengalaman sebegini bukan selalu diperolehi. Pada hari terakhir, sebelum pulang ke Malaysia pada 11 Apr 12, peserta rombongan telah dijemput untuk menghadiri Jamuan Makan Malam oleh Persatuan Wanita Kedutaan Malaysia di Beijing. Kami telah disambut mesra dan dihidangkan dengan sajian ala kampung Malaysia.

Peserta rombongan kembali ke Malaysia dengan penerbangan MAS pada 12 Apr jam 0740. Perjalanan dan kenangan indah di Beijing akan sentiasa tersemat di hati.



Bergambar di Stadium Akuatik Olimpik 2008



Makan Malam di Kedutaan Malaysia di Beijing

OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH (OSH) AWARENESS.

INTRODUCTION TO HIRARC

By: Cdr Ahmad Nazree bin Abu Hassan RMN
KD MAHAWANGSA

Occupational Safety and Health (OSH) concerned with the physical environment of the workplace and wellbeing of the worker. Its aim is to create a conducive environment through safe work practices, procedures and OSH Management (OSHM) system. OSHM is part of the management process that identifies potential hazards and failures that could result in injury and property damage. People are beginning to see the relationship between quality management and what it stands for with safety management. These converging developments resulted in the management system approach that is now being widely promoted and practiced.

What is An Incident?

An unexpected, unplanned event in a sequence of events that occurs through a combination of causes which result in physical harm (injury, ill health, disease) to an individual, damage to property, a near-miss, a loss or any combination of these effects.



The Accident Ratio Studies



This triangle shows that any accident has a far greater number of safety incidents related to it.

Incidents happened by unsafe acts and unsafe conditions. Incidents are preventable. Incident in the workplace is largely caused by lack of management control. Most important of all is management attitude towards safety.

Why HIRARC ? Hazard Identification Risk Assessment and Risk Control

- Identify all factors that may cause harm
- Consider what the chances are of that harm actually be falling anyone in the circumstances of a particular case and the possible severity that could come from it
- Enable management team to plan, introduce and monitor preventive measures to ensure that the risks are adequately controlled at all times.

Definitions

Hazard - A source or situation with a potential harm in terms of human injury or ill-health, damage to property, damage to the environment or combination of these.

Danger - Relative exposure to hazard

Risk - A combination of the likelihood of an occurrence of a hazardous event with specified period/circumstances and the severity of injury or damage to the health of people, property, environment or any combination of these caused by the event.

Likelihood (L) is an event likely to occur within the specific period / circumstances

Severity (S) is outcome from event such as severity of injury / health or damage to property or insult to environment, or any combination of those cause by the event.



Risk Matrix

Risk = Likelihood (L) x Severity (S)

Example of Risk Matrix as shown below:

	SEVERITY (S)				
LIKELIHOOD	1	2	3	4	5
5	5	10	15	20	25
4	4	8	12	16	20
3	3	6	9	12	15
2	2	4	6	8	10
1	1	2	3	4	5

LIKELIHOOD	EXAMPLE	RATING
Most Likely	Most likely result of the hazard/event being realized	5
Possible	Has a good chance of occurring and it not unusual	4
Conceivable	Might be occur at sometime in future	3
Remote	Has not been known to occur after many years	2
Inconceivable	Is practically impossible and has never occurred	1

SEVERITY	EXAMPLE	RATING
Catastrophic	Numerous fatalities, irrecoverable property damage	5
Fatal	Approximately single fatality major property damage	4
Serious	Non – fatal injury, permanent disability	3
Minor	Disabling but not permanent injury	2
Negligible	Minor abrasions, bruises, cuts, first aid type injury	1

RISK	DESCRIPTION	ACTION
15 - 25	HIGH	A HIGH risk requires immediate action to control the hazard as detailed in the hierarchy of control. Actions taken must be documented on the risk assessment form including date for completion.
5 - 12	MEDIUM	A MEDIUM risk requires a planned approach to controlling the hazard and applies temporary measure if required. Actions taken must be documented on the risk assessment form including date of completion
1 - 4	LOW	A risk identified as LOW may be considered as acceptable and further reduction may not be necessary. However, if the risk can be resolved quickly and efficiently, control measures should be implemented and recorded.

HIRARC FORM									
DEPARTMENT:		LOGISTIC			CONDUCTED BY:		Lt Kdr Mohd Idrus Mat Zain TLDM (SYO)		
PROCESS/LOCATION:		GALLEY							
OWNERSHIP:		BM BDI Rusli bin Ali							
APPROVED BY:									
DATE:		12 Jan 12			REVIEW DATE		12 June 12		12 Dec 12
HAZARD IDENTIFICATION				RISK ANALYSIS			RISK CONTROL		
NO	ACTIVITY	HAZARD	RISK	EXISTING RISK CONTROL	LIKELIHOOD	SEVERITY	RISK	RECOMMENDED CONTROL MEASURE	
1.	Preparation raw materials for cooking ingredients	Finger cut/blades	Bleeding / injury Food contamination	Cook/Steward shift work Appropriate level of platform height	4	3	12	a. Additional helping hand at galley b. Get new set of knives	
		Fall object	Hit by object/ sharp	Marking/ 5S concept	2	2	4	a. Placing heavy object on floor b. Guard/lock/net at storage	
		Slippery floor	Fall /slips	Not allowed usage of water (floor) during prep for cook on floor	3	3	9	a. Regular round by SYO. b. SOP – galley floor dried at all times	
2.	Cooking process	Hot plate – Fire Oil splash	Fire & burn	Reminder & signage Wear cooking apron/hat	4	4	16	a. Produce SOP b. Place appropriate APAK c. First Aid Box	
		Too hot/ stress	Exhausted / fatigue Stress/dehydration	Place standing fan Open up scatter	5	2	10	a. On radio/music b. Additional drink while working	

Table 1 : Sample of HIRARC Form

Risk Control

The following hierarchy (priority order) should be used when considering control measures.

- 1. Elimination** – Getting rid off or removing hazardous job, tool, process, machine or substance.
- 2. Substitution** – Replacing a hazard/hazardous work practice with a less hazardous one.
- 3. Isolation** – Isolating or separating the hazard or hazardous from people not involved in the work. This can be done by marking off hazardous areas, installing screens or barriers
- 4. Engineering Control.** If the hazard cannot be eliminated, substituted or isolated an engineering control is the next preferred measure. This may include modification to tools @ equipment, providing guarding to machinery/ equipment.
 - Redesign
 - Automation
 - Absorption
 - Isolation
 - Barriers/Guard
 - Dilution

5. Administrative Control.


Includes introducing work practices that reduce the risk. This could include limiting the amount of time a person is exposed to a particular hazard.

- Work process, SOP & procedures
- Job rotation
- Housekeeping, 5S, repair & maintenance programmes.
- Supervising and training
- Hygiene

6. Personal Protective Equipment (PPE). Should be considered only when other control measures are not practicable @ to increase protection. (gloves, face mask, ear defender, helmet)

* Hierarchy of hazard control starts with elimination; use of PPE as protection is the last resort.

Risk Assessment Process



Hazard is everywhere and around us, risk can be identify and can be control. Risk assessment allows us to build a sound basis for managing hazard. Find out and get to know "accident" before they come and introduce themselves to you. A safer and healthy workplace positively impacts workers morale, health and productivity as well as reduce medical and other related hidden costs.

OSHM has to be vigorously promoted. Effective OSHM and top management commitment are essential ingredients for achieving "Zero Accident". In simple terms, if the causes of accidents can be found , the appropriate measures can be taken to prevent them. If the preventive measures are not taken , the same type of accident will occur again and again. Try not to blame individual but find out the weakness in the system to avoid undesirable incident happen.

"If you think safety is expensive, try accidents"

Berita BERGAMBAR



Program Jiwa Murni TLDM di Pangkalan Jeti Nelayan, Kampong Parit 3, Sungai Burong, Sekinchan pada 6 - 7 Apr 2012



Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan kepada Kru Op FAJAR 13 BUNGA MAS ENAM oleh Ketua Staf Markas Armada di Serambi Markas Armada pada 6 Apr 2012

Ucapan Khas Panglima Tentera Laut kepada Penuntut Maktab Turus Angkatan Tentera pada 23 Mac 2012.



Penyerahan Cek Skim Takaful Berkelompok ATM oleh PPL TLDM kepada balu Allahyarham Laskar Kelas (LK) I Ramlan bin Pilus di Kampung Ulu Kuning, Gemenchih, Negeri Sembilan pada 29 Mac 2012



Penyerahan cek Skim Takaful Berkelompok ATM kepada waris kepada Allahyarham Bintara Kanan (BK) Hang Tuah Ibrahim oleh Pegawai Memerintah KD SULTAN ISMAIL pada 14 Mac 2012



Kunjungan Hormat Vice Admiral Taweep Sukpinij, Commander of The Second Naval Area Command Royal Thai Navy pada 7 Mac 2012



Ceramah disampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Mohammed Kazem Elias Al-Hafiz



Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Diraja Dr Zamry bin Abdul Kader turut hadir



Ceramah Perdana Hal-Ehwal Islam (Ke Arah Mengukuhkan Ukhwah Menyatu Umat) di Stadium Pangkalan TLDM Lumut pada 6 Mac 2012

PERISTIWA



Majlis Penyerahan Kapal Selam Ouessant di Kompleks Pelancongan Klebang, Melaka pada 4 Mac 2012



Majlis Serah Terima Tugas Panglima Armada di Pangkalan TLDM Lumut pada 1 Mac 2012



Majlis Sambutan Kepulangan BUNGA MAS LIMA di Jeti Pangkalan TLDM Lumut pada 25 Feb 2012



Sambutan Penerimaan KD PERAK di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu pada 23 Feb 2012



Lawatan ke Pangkalan TLDM Lumut oleh Admiral Edouard Guillaud, French Chief of Defence Staff pada 20 Feb 2012

PERISTIWA



Upacara Perbarisan Perpisahan Panglima Wilayah Laut 2 pada 20 Feb 2012



Perasmian Pusat Latihan PSSTLDM KD SRI PINANG oleh Panglima Tentera Laut pada 18 Feb 2012



Majlis Rumah Terbuka Gong Xi Fa Chai 2012 di WISMA SAMUDERA pada 12 Feb 2012



Sesi Dialog Panglima Tentera Laut bersama Warga Markas Wilayah Laut 2 pada 5 Feb 2012



Sesi Dialog Panglima Tentera Laut bersama Warga KD SRI SEMPORNA pada 6 Feb 2012

IDEAS DO NOT COME TO THOSE WHO WAIT. THEY COME TO THOSE WHO INNOVATE.



As our track records show, creativity goes a long way in making a statement about who we are and what we can do. Sapura Group's synergy stems from the integration of its people through technology, capability building, as well as the continuous efforts in research and development. Our sustained efforts have resulted in a globally competitive and highly specialised Group which thrives on home grown talent.

Having evolved over three decades, we are now focused in the sectors of Oil & Gas, Secured Technologies, Industrial & Automotive Manufacturing and Knowledge & Education.

Driving business agility through knowledge and technology.

Sapura Group

Sapura@Mines, No 7 Jalan Tasik, The Mines Resort City,
43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan
tel: +603 8949 7000 fax: +603 8949 7725
website: www.sapura.com.my





Your

Thinking Company



SYSTEM CONSULTANCY



Prestigious Discovery Sdn Bhd



Digital Aura (M) Sdn Bhd



Dian Kreatif Sdn Bhd



IBS Technology Sdn Bhd

System Consultancy Group of Companies

Head Office

System Consultancy Services Sdn. Bhd. (219906-U)

36, Jalan 1/27F, Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC), 53300 Kuala Lumpur.
Tel • 603-4149 1919 Fax • 603-4149 2121 E-mail: scshq@po.jaring.my

EXCELLENCE

through

CONTINUOUS INNOVATION



Boustead Heavy Industries Corporation Berhad 11106-V

17th Floor, Menara Boustead, 69, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: +603-2078 7770 Fax: +603-2078 7768 www.bhic.com.my